ZURICH®
TAKAFUL

# Private Car Certificate

## Z-Driver Takaful

### NOTA PENERANGAN / *EXPLANATORY NOTES*

**Cara membaca dokumen ini / *How to read this document***

Sila ambil perhatian bahawa Sijil Kereta Persendirian **Anda** hanya bermula dari halaman 10 dan seterusnya. Bagi membantu **Anda** membaca dan memahami sijil **Anda** dengan lebih mudah, **Kami** menyediakan beberapa nota penerangan bersama-sama dengan ulasan dan contoh yang ditulis dalam huruf condong (italic). Nota penerangan ini tidak dianggap sebagai sebahagian daripada sijil dan tidak boleh digunakan bagi mentakrif kontrak Takaful **Anda** jika berlaku apa-apa pertikaian.
*Please note that **Your** Private Car Certificate only starts from page 10 onwards.To help **You** read and understand **Your** certificate better **We** provide some explanatory notes together with comments and examples (written in italic). These are not meant to be part of **Your** certificate and should not be used to interpret **Your** Takaful contract in the event of any dispute.*

**Perkataan dalam huruf tebal / *Words in bold***

**Anda** boleh perhatikan bahawa terdapat beberapa perkataan dalam sijil ini dicetak dalam **huruf tebal**. Ini adalah kerana perkataan-perkataan tersebut diberikan makna yang khusus dalam Sijil Kereta Persendirian **Anda** ini. Sila rujuk Seksyen F pada halaman 27 hingga 31 bagi makna perkataan-perkataan tersebut.
***You** will notice that some words in the certificate are printed in **bold** letters. This is because they have been given specific meaning in **Your** Private Car Certificate. Please refer to Section F on pages 27 to 31 for the meaning of these words.*

**Apakah yang dikira sebagai kontrak Takaful anda? / *What makes up your Takaful contract?***

Kontrak Takaful **Anda** dengan **Kami** merangkumi seperti berikut / ***Your** Takaful contract with **Us** is made up of the following:*

- Sijil Takaful pada halaman 10 hingga 43 (kecuali teks dalam huruf condong); / *Takaful certificate in pages 10 to 43 (excluding the italic texts);*
- apa-apa maklumat yang **Anda** telah beritahu **Kami** semasa memohon Takaful ini; / *the information **You** provided **Us** when **You** applied for this Takaful;*
- Jadual; / *the Schedule;*
- Endorsmen yang dilampirkan pada sijil; dan / *the Endorsements attached to the certificate; and*
- Sijil Takaful / *the Certificate of Takaful*

Kesemuanya hendaklah dibaca bersekali kerana ia merupakan sijil Takaful **Anda**.
*All these must be read together as they form **Your** Takaful contract.*

**Tanggungjawab Anda memberitahu Kami / *Duty of Disclosure***

**A. Kontrak Takaful Pengguna / *Consumer Takaful Contract***

Jika Takaful yang **Anda** pohon ini tidak berkaitan sama sekali dengan perdagangan, perniagaan atau profesion **Anda**, **Anda** bertanggungjawab mengambil langkah yang munasabah untuk tidak membuat salah nyataan semasa menjawab apa-apa soalan dalam Borang Cadangan (atau semasa **Anda** membuat permohonan Takaful ini) iaitu, **Anda** sepatutnya menjawab semua soalan dengan tepat dan sepenuhnya. Kegagalan mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab apa-apa soalan boleh menyebabkan **Kami** mengelak kontrak Takaful, menolak atau mengurangkan tuntutan **Anda**, menukar terma atau menamatkan kontrak Takaful **Anda** mengikut remedi-remedi yang diperuntukkan di bawah remedi dari Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. **Anda** juga dikehendaki mendedahkan lain-lain perkara yang **Anda** tahu sebagai berkaitan kepada keputusan **Kami** sama ada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma yang hendak dipakai. **Anda** juga bertanggungjawab memberitahu **Kami** serta merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak Takaful **Anda** berkuat kuasa, semasa memohon dengan **Kami** untuk membuat perubahan atau memperbaharui, apa-apa maklumat yang diberi di dalam Borang Cadangan (atau semasa **Anda** membuat permohonan Takaful ini) tidak tepat atau telah berubah.
*Where **You** have applied for this Takaful wholly for purposes unrelated to **Your** trade, business or profession, **You** had a duty to take reasonable care not to make a misrepresentation in answering the questions in the Proposal Form (or when **You** applied for this Takaful)*

*i.e. **You** should have answered the questions fully and accurately. Failure to have taken reasonable care in answering the questions may result in avoidance of **Your** contract of Takaful, refusal or reduction of **Your** claim(s), change of terms or termination of **Your** contract of Takaful in accordance with remedies of Schedule 9 of the Islamic Financial Services Act 2013. **You** were also required to disclose any other matter that **You** knew to be relevant to our decision in accepting the risks and determining the rates and terms to be applied. **You** also have a duty to tell **Us** immediately if at any time after **Your** contract of Takaful has been entered into, varied or renewed with **Us**, any of the information given in the Proposal Form (or when **You** applied for this Takaful) is inaccurate or has changed.*

## B. Kontrak Takaful Komersial / *Non-Consumer Takaful Contract*

Jika Takaful yang **Anda** pohon ini berkaitan sepenuhnya dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda bertanggungjawab mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu sebagai berkaitan kepada keputusan **Kami** sama ada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma yang hendak dipakai, serta apa-apa perkara seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangkakan tahu sebagai berkaitan, kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan **Kami** mengelak kontrak Takaful, menolak atau mengurangkan tuntutan anda, menukar terma atau menamatkan kontrak Takaful anda.
Anda juga bertanggungjawab memberitahu **Kami** serta merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak Takaful anda berkuat kuasa, semasa memohon dengan **Kami** untuk membuat perubahan atau memperbaharui, apa-apa maklumat yang diberi di dalam Borang Cadangan (atau semasa anda membuat permohonan Takaful ini) tidak tepat atau telah berubah.
*Where **You** have applied for this Takaful for purposes related to **Your** trade, business or profession, **You** had a duty to disclose any matter that **You** know to be relevant to our decision in accepting the risks and determining the rates and terms to be applied, and any matter a reasonable person in the circumstances could be expected to know to be relevant, otherwise it may result in avoidance of **Your** contract of Takaful, refusal or reduction of **Your** claim(s), change of term(s) or termination of **Your** contract of Takaful.*
***You** also have a duty to tell **Us** immediately if at any time after **Your** contract of Takaful has been entered into, varied or renewed with us, any of the information given in the Proposal Form (or when **You** applied for this Takaful) is inaccurate or has changed.*

Berikut adalah contoh-contoh tindakan yang boleh **Kami** ambil terhadap **Anda** jika **Anda** memberi pernyataan salah tentang mana-mana fakta kepada **Kami** sebelum sijil berkuat kuasa:
*If **You** misrepresented any facts to **Us** before the certificate is entered into, examples of the actions that may be taken by **Us** against **You** include the following:*

- Mengisytiharkan sijil **Anda** sebagai terbatal dari mula lagi (iaitu sijil dianggap tidak sah), dan **Kami** berhak untuk tidak memulangkan apa-apa caruman; / *declare **Your** certificate void from inception (which means treating it as invalid), and we may not return any contribution;*
- Membatalkan sijil tersebut dan memulangkan caruman setelah ditolak caj pembatalan atau menuntut caruman yang belum dibayar; / *cancel this certificate and return any contribution less our cancellation charge (if any) or recover any unmade contribution;*
- Menyingkir satu atau lebih pemandu dinamakan dari sijil **Anda** dan selaraskan caruman **Anda**; / *remove one or more named drivers from **Your** certificate and adjust **Your** contribution accordingly;*
- Menuntut semula apa-apa kekurangan caruman yang tidak dikenakan; / *recover any shortfall in contribution;*
- Menolak mana-mana tuntutan yang telah atau akan dikemukakan di bawah sijil; atau / *not make any claim that has been or will be made under the certificate; or*
- berhak menuntut kembali dari jumlah mana-mana tuntutan yang telah dibayar di bawah sijil atau mana-mana tuntutan yang terpaksa **Kami** bayar kerana undang-undang jalanraya termasuk kos membuat tuntutan. / *be entitled to recover from **You** the total amount of any claim already made under the certificate or any claim **We** have to make because of any relevant road traffic legislation, plus any recovery cost.*

**Apa yang dilindungi? / *What is covered?***

Takaful **Anda** tidak melindungi segala perkara yang mungkin akan berlaku terhadap kereta **Anda**. Sila semak Jadual Sijil yang telah **Kami** berikan kepada **Anda** untuk mengetahui skop perlindungan yang **Anda** telah perolehi. Jenis perlindungan utama terdiri daripada:
***Your** Takaful does not cover **You** against everything that can happen to **Your** car. Check out the Schedule that **We** issued to **You** to know the type of cover **You** participated. The main types of cover are:*

| **Halaman / *Page*** | **Perlindungan Asas / *Basic Cover*** | **Komprehensif / *Comprehensive*** | **Pihak Ketiga, Kebakaran dan Kecurian / *Third Party, Fire and Theft*** |
|---|---|---|---|
| 11 - 15 | **Seksyen A**: Kerugian atau Kerosakan pada Kereta **Anda** Sendiri<br>***Section A**: Loss or Damage to **Your** Own Car* | | |
| 11 - 12 | 1a. Apa yang Dilindungi (di bawah seksyen ini) / *What is Covered (under this section)* | | |
| | (i) berlanggar atau terbalik akibat kemalangan / *accidental collision or overturning* | ✓ | X |
| | (ii) berlanggar atau terbalik akibat kerosakan mekanikal / *collision or overturning caused by mechanical breakdown* | ✓ | X |
| | (iii) berlanggar atau terbalik akibat haus dan lusuh / *collision or overturning caused by wear and tear* | ✓ | X |
| | (iv) rosak akibat dihempap objek jatuh tertakluk kepada pengecualian tertentu / *impact damage caused by falling objects subject to certain exclusions* | ✓ | X |
| | (v) kebakaran, letupan atau disambar kilat / *fire, explosion or lightning* | ✓ | ✓ |
| | (vi) pecah cermin depan/belakang, tingkap atau tingkap bumbung matahari termasuk filem salutan/mewarna. / *breakage of windscreen, windows or sunroof including lamination /tinting film* | ✓ | X |
| | (vii) pecah masuk, pecah rumah, atau kecurian / *burglary, housebreaking or theft* | ✓ | ✓ |
| | (viii) perbuatan niat jahat / *malicious act* | ✓ | X |
| | (ix) semasa dalam transit (perlindungan terhad) / *while in transit (limited cover)* | ✓ | X |
| 11 - 13 | 1b. Apa yang Tidak Dilindungi (di bawah seksyen ini) / *What is not Covered (under this section)* | ✓ | ✓ |
| 13 - 15 | 2. Asas Penyelesaian (bagaimana **Kami** menyelesaikan tuntutan **Anda**) / *Basis of Settlement (how **We** will settle **Your** claim)* | ✓ | ✓ |
| 15 | 3. Kos Menunda (ke bengkel pembaik kereta atau ke tempat yang selamat) / *Towing Costs (to a repairer or safe place)* | ✓ | ✓ |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 16 - 18 | **Seksyen B** : Liabiliti Terhadap Pihak Ketiga<br>***Section B :*** *Liability to Third Parties* | | |
| 16 | 1a. Apa yang Dilindungi (di bawah seksyen ini) / *What is Covered (by this section)* | ✓ | ✓ |
| 16 - 18 | b. Apa yang Tidak Dilindungi (di bawah seksyen ini) / *What is Not Covered (by this section)* | ✓ | ✓ |
| 16 | 2. Had Liabiliti **Kami** (bayaran maksimum **Kami**) / *Limits of Our Liability (the maximum that* ***We*** *make)* | ✓ | ✓ |
| 17 | 3. Perlindungan untuk Wakil Sah (jika **Anda** meninggal) / *Cover for Legal Personal Representatives (if* ***You*** *are dead)* | ✓ | ✓ |
| 17 | 1. Kos Guaman Maksimum (jika diluluskan) / *Maximum Legal Costs (if approved)* | ✓ | ✓ |
| 17 - 18 | 2. Hak Tuntut Balik / *Rights of Recovery* | ✓ | ✓ |
| 18 - 19 | **Seksyen C :** Diskaun Tanpa Tuntutan<br>*Section C : No Claim Discount* | ✓ | ✓ |
| 19 - 22 | **Seksyen D :** Pengecualian Am (apa-apa yang tidak dilindungi oleh sijil)<br>*Section D : General Exceptions (what is not covered by the certificate)* | ✓ | ✓ |
| 22 - 26 | **Seksyen E** : Syarat (terma-terma yang **Anda** mesti patuhi)<br>*Section E : Conditions (terms that* ***You*** *must comply with)* | ✓ | ✓ |
| 26 - 29 | **Seksyen F**: Takrif (menerangkan perkataan dalam huruf tebal)<br>*Section F : Definitions (explains the words in bold)* | ✓ | ✓ |
| 30 - 42 | **Seksyen G**:Endorsmen (terma tambahan yang akan **Kami** kenakan atau perlindungan tambahan jika **Anda** telah membayar caruman tambahan)<br>*Section G :Endorsements (additional terms that* ***We*** *may impose on* ***You*** *or additional covers if* ***You*** *have made additional contribution)* | Pilihan / *Optional* | Pilihan / *Optional* |

*Key: ✓= diguna pakai / applicable X = tidak diguna pakai / not applicabl*

**Apa yang tidak dilindungi oleh sijil ini? / *What this certificate does not cover?***

Terdapat tiga seksyen dalam sijil **Anda** di mana dinyatakan apa yang tidak dilindungi. Seksyen-seksyen ini dirujuk sebagai 'Pengecualian' dan terdiri daripada / Th*ese are referred to as 'Exceptions' in **Your** certificate and there are three sections where **You** can find them:*

- Seksyen A1b – lihat 'Apa yang Tidak Dilindungi' (halaman 11 - 13): berkaitan dengan sijil Komprehensif sahaja. / *Section A1b – see 'What is Not Covered' (pages 11 - 13): applicable to Comprehensive certificate only.*
- Seksyen B1b – lihat 'Apa yang Tidak Dilindungi' (halaman 16 - 18): berkaitan dengan sijil Komprehensif dan Pihak Ketiga, Kebakaran & Kecurian Sahaja. / *Section B1b – see 'What is Not Covered' (pages 16 - 18): applicable to Comprehensive and Third Party, Fire & Theft certificates.*
- Seksyen D – lihat 'Pengecualian Am' (halaman 19 - 22): berkaitan dengan sijil Komprehensif dan Pihak Ketiga, Kebakaran & Kecurian Sahaja. / *Section D – see 'General Exceptions' (pages 19 - 22): applicable to Comprehensive and Third Party, Fire & Theft certificates.*

Pada umumnya terdapat tiga sebab mengapa **Kami** mengenakan pengecualian ini di dalam sijil asas Kereta Persendirian **Anda** / *There are generally three reasons why **We** put these exceptions in **Your** basic Private Car Certificate:*

1. Perlindungan tidak diberikan untuk pengecualian ini. **Kami** terpaksa mengenakan caruman tambahan jika mana-mana pengecualian tersebut mahu dilindungi. Di antara contoh kejadian yang tidak dilindungi oleh sijil asas ini tetapi boleh dilindungi jika **Anda** membayar caruman tambahan adalah / *Cover is not provided for the exceptions. **You** have to make additional contribution if **You** want to cover any of these exceptions. Some examples of the exceptions which are not covered by **Your** basic Private Car Certificate but which can be covered if **You** make additional contribution are:*

- banjir, ribut {lihat Seksyen A1b 'Apa yang Tidak Dilindungi (halaman 12)};
  *flood, storm {see Section A1b – 'What is not Covered'' (page 12)};*

- mogok, rusuhan, kekacauan awam {lihat Seksyen D – 'Pengecualian Am 8b' (halaman 21)}; dan
  *strike, riot, civil commotion {see Section D – 'General Exception 8b' (page 21)}; and*

- digunakan di luar Malaysia, Singapura atau Brunei {lihat Seksyen D – 'Pengecualian Am 6' (halaman 20)}.
  *use outside Malaysia, Singapore or Brunei {see Section D – 'General Exception 6' (page 20)}.*

2. Terdapat risiko-risiko lain yang tidak dilindungi oleh sijil asas Kereta Persendirian atau mana-mana tambahan kepada sijil seperti itu. Sijil lain akan dikeluarkan sekiranya **Anda** memerlukan perlindungan tambahan tersebut. **Kami** terpaksa mengeluarkan sijil lain. Contohnya, yang berikut tidak dilindungi oleh Sijil Kereta Persendirian **Anda** tetapi ia boleh dilindungi oleh sijil berbeza / *There are other risks which are not covered by the basic Private Car Certificate or by any of its extensions. **We** would have to issue a different certificate if **You** want these types of cover. For example, the following are not covered by **Your** Private Car Certificate but can be covered under a different type of certificate:*

- kenderaan membawa barang dagangan mestilah dilindungi oleh Sijil Kenderaan Komersial; dan
  *carriage of goods must be covered under a Commercial Vehicle Certificate; and*

- kenderaan yang mengutip sewa atau tambang mestilah dilindungi oleh sijil teksi atau kereta sewa.
  *hire or reward must be covered by taxi or hired car certificate.*

3. **Kami** tidak akan dan tidak boleh melindungi risiko tertentu secara keseluruhan. Di antara contoh risiko seperti ini dapat dilihat dalam Seksyen D – 'Pengecualian Am' (halaman 19 hingga 22) contohnya / ***We** cannot and do not cover certain risks in totality. Some examples of these can be seen in Section D – 'General Exceptions' (pages 19 to 22) such as:*

- perang, pembelahan nuklear atau pelakuran;
  *war, nuclear fission or fusion;*

- risiko yang bertentangan dengan kerajaan/polisi awam atau undang-undang;
  *risks that are against government/public policy or against the law; and*

- memandu dalam keadaan mabuk.
  *drunk driving.*

**Bagaimana kereta anda boleh digunakan? / *How can your car be used?***

Memandangkan ini adalah Sijil Kereta Persendirian, sijil **Anda** hanya melindungi **Anda** jika kereta **Anda** digunakan untuk tujuan "sosial, domestik dan bersukaria dan juga untuk urusan peserta." Ini dinyatakan dengan jelas di dalam Sijil Takaful di bawah tajuk "Had Penggunaan".

*Since this is a Private Car Certificate, **Your** certificate only covers **You** if **Your** car is used for "social, domestic and pleasure purposes and for the Participant's business". This is clearly stated in the Certificate of Takaful under the heading "Limitation as to Use".*

Berikut adalah beberapa contoh bagaimana kereta **Anda** boleh digunakan / *The following are some examples of how **Your** car can be used:*

- untuk melawat saudara-mara dan kawan, pergi membeli-belah dsb.; dan
  *to visit relatives and friends, for shopping etc.; and*

- untuk urusan niaga terhad seperti pergi dan balik dari tempat kerja dan untuk berjumpa dengan para pelanggan.
  *for some limited business use such as getting to and from work, and meeting customers.*

Walau bagaimanapun, tiada perlindungan akan diberikan, contohnya, jika kereta **Anda** digunakan dengan cara berikut / *However, **You** will not be covered, for example, if **You** use **Your** car in the following manner:*

- sebagai teksi atau bas persendirian dengan mengenakan tambang untuk membawa penumpang;
  *as a private taxi by charging fares to carry passengers;*

- sebagai kereta sewa dengan mengenakan sewa untuk menggunakan kereta **Anda**;
  *as a hire car by charging rental to use **Your** car;*

- untuk menjalankan apa-apa barang yang berkaitan dengan apa-apa perdagangan atau perniagaan selain daripada sampel melainkan jika **Anda** mengambil bahagian yang sesuai / *to carry any goods in connection with any trade or business other than samples unless **You** participate the appropriate cover;*

- untuk perniagaan kenderaan (contohnya digunakan untuk memandu uji dan dipamerkan di bilik pameran);
  *for motor trade (use for showroom display and for test-drive);*

- untuk berlatih atau mengambil bahagian dalam sebarang perlumbaan, rali, perentak perlumbaan (pace-making), ujian keandalan (reliability trial) atau ujian kelajuan; dan
  *to practise for or to take part in any race, rally, pacemaking, reliability trial or speed test; and*

- digunakan di sebarang litar perlumbaan.
  *use on any racetrack.*

### Siapakah yang boleh memandu kereta anda? / Who can drive your car?

- Hampir sesiapa sahaja boleh memandu kereta **Anda** selagi pemandu itu
  *Practically anyone can drive **Your** car as long as the driver:*

- mempunyai lesen yang sah bagi memandu kelas kereta yang berkenaan dan tidak hilang kelayakan memandu dari segi undang-undang atau kerana sebab-sebab lain {lihat pengecualian tentang Pemandu Tidak Berlesen dalam Seksyen D – 'Pengecualian Am 1' (halaman 19)};
  *has a valid licence of the relevant class to drive and is not disqualified to drive by law or for some other reason {(see exclusion on Unlicensed Drivers in Section D – 'General Exception 1' (page 19)};*

- mendapat kebenaran **Anda** untuk memandu (lihat takrif Pemandu Dibenarkan pada halaman27); dan
  *has**Your** permission to drive (see definition of Authorised Driver in page 27); and*

- mematuhi semua terma dan syarat sijil ini.
  *complie with all the terms and conditions of this certificate.*

- Walaupun sesiapa yang mematuhi segala syarat tersebut di atas boleh memandu kereta **Anda**, **Anda** mungkin perlu menanggung ekses tambahan berdasarkan umur pemandu, jenis lesen yang dimiliki pemandu atau sama ada pemandu adalah bukan pemandu dinamakan (lihat halaman 8 untuk penjelasan lanjut tentang ekses). Jika **Anda** atau pemandu dibenarkan tidak layak memandu atau memungkiri mana-mana terma dan syarat, tuntutan **Anda** mungkin ditolak. Sekiranya **Kami** harus membayar, **Kami** boleh menuntut semula wang yang telah dibayar serta perbelanjaan yang ditanggung oleh **Kami** daripada **Anda** atau pemandu dibenarkan.
  *Although anyone complying with the above conditions can drive **Your** car, **You** may have to make an additional excess depending on the age of the driver, the type of licence the driver possesses or if the driver is not a named driver (see explanation on excess in page 8). If **You** or **Your** authorised driver is not qualified to drive or breach any of the terms and conditions, **Your** claim may*

*be rejected. If **We** are compelled by law to make, **We** can recover any sum(s) made and any expenses incurred from **You** or **Your** authorised driver.*

**Di wilayah manakah kereta anda dilindungi? / *In which territory is your car covered?***

Takaful yang **Anda** telah perolehi ini hanya melindungi **Anda** di Malaysia, Singapura dan Brunei tertakluk kepada undang-undang Malaysia. Di samping itu, sila ambil perhatian bahawa jika **Anda** berhajat untuk memandu kereta **Anda** ke Singapura, **Anda** dikehendaki di bawah undang-undang Singapura untuk mempunyai Perlindungan Liabiliti Penumpang ("Legal Liability to Passengers" atau LLP). Oleh kerana LLP tidak dilindungi oleh sijil asas Kereta Persendirian maka **Anda** perlu menyertai Endorsmen 100 (lihat halaman 36 - 37), yang menyediakan perlindungan terhad bagi liabiliti **Anda** terhadap kematian atau kecederaan tubuh badan penumpang.
*This Takaful **You** have participated only covers **You** in Malaysia, Singapore and Brunei in accordance to the laws of Malaysia. Additionally, note that if **You** intend to drive **Your** car into Singapore, **You** are required by Singapore's law to have cover against Legal Liability to Passengers (LLP). Since LLP is not covered by the basic Private Car Certificate, **You** will need to participate Endorsement 100 (see page 36 - 37), which provides a limited cover for **Your** liability for death or bodily injury of passengers.*

**Bila perlindungan anda berkuat kuasa? / *When is your cover effective?***

Takaful ini mula berkuat kuasa dari waktu anda menyertai perlindungan kontrak Takaful atau pada waktu mula berkuat kuasa yang dipersetujui sehingga tarikh tamat. Tempoh Perlindungan Takaful akan dicetak di dalam Jadual Sijil dan dokumen berkaitan. Jika terdapat sebarang perubahan bagi tarikh-tarikh tersebut, ianya akan ditunjukkan dalam Endorsmen yang dikeluarkan oleh **Kami**.
*This Takaful is effective from the time of participation of the Takaful contract or at the agreed time of commencement, until the expiry date. The period of Takaful will be printed in the Certificate Schedule and related documents. If there is any change to these dates, it will be officially shown in an Endorsement issued by **Us**.*

**Berapakah nilai yang anda patut lindungi untuk kereta anda di bawah Sijil Komprehensif atau Sijil Pihak Ketiga, Kebakaran dan Kecurian? / *How much should you cover your car for under a Comprehensive or Third Party, Fire and Theft Certificate?***

Supaya lebih selamat, **Anda** perlu melindungi kereta **Anda** mengikut nilai pasaran semasa (lihat takrif pada halaman 39). Dalam kata yang mudah, ini adalah kos semasa untuk menggantikan kereta **Anda** dengan kereta yang sama buatannya, modelnya, umurnya dan keadaannya. Amaun yang **Anda** pilih untuk melindungi kereta anda dikenali sebagai amaun dilindungi (sum covered). Sila ambil perhatian bahawa **Anda** boleh didenda jika kereta **Anda** dilindungi pada amaun yang kurang daripada nilai pasaran sebenar (lihat Bahagian A2e – 'Perlindungan Terkurang' pada halaman 14).
*To be safe, **You** should cover **Your** car at its current market value (see definition in page 39). In simple terms, this is the current cost to replace **Your** car with another car of the same make, model, age and general condition. The amount that **You** choose to cover is called the sum covered. Please note that **You** could be penalised if **Your** car is under-covered (see Section A2e – 'Under-Coverage' in page 14).*

Contohnya, jika nilai pasaran kereta **Anda** ialah RM100,000 tetapi **Anda** hanya melindunginya pada nilai RM80,000, maka **Anda** boleh didenda kerana kekurangan perlindungan. Andaikan kerugian yang ditaksir sebanyak RM5,000, **Kami** berhak tidak membayar jumlah sepenuhnya tetapi sebaliknya **Anda** perlu menanggung sebahagian daripada kerugian itu, mengikut kadar kekurangan perlindungan seperti berikut:
*For example, if the market value of **Your** car is RM100,000 but **You** only covered it for RM80,000 then **You** could be penalised for under-Coverage. Assuming the loss is assessed at RM5,000, instead of **We** paying the full amount, **You** could be made to bear a portion of the loss in proportion to the under-Coverage as follows:*

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| Amaun Dilindungi / *Sum Covered*<br>------------------------------<br>Nilai Pasaran / *Market Value* | X Kerugian / *Loss* | = RM80,000<br>--------------<br>RM100,000 | X RM5,000 | = **<u>RM4,000</u>** |

Oleh itu, **RM4,000** akan dibayar sementara baki **RM1,000 akan ditanggung oleh anda sendiri.**
*Therefore **RM4,000** will be made while the balance of **RM1,000 will be borne by you**.*

**Anda** hanya akan didenda seperti yang ditunjukkan di atas jika perbezaan di antara nilai pasaran kereta **Anda** dengan amaun dilindungi melebihi 10%. Namun, adalah juga menjadi satu pembaziran jika terlebih perlindungan kerana syarikat Takaful tidak akan membayar lebih dari nilai pasaran. Satu cara bagi mengatasi masalah kekurangan atau terlebih perlindungan ialah dengan memilih amaun dilindungi yang ditentukan oleh sistem penilaian nilai pasaran yang diluluskan oleh Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM).
***You** would be penalised as shown above if the market value of **Your** car exceeds the sum covered by 10%. On the other hand, it*

*would be inappropriate to over-cover as **Your** Takaful operator would only make **Your** claim based on the market value. One way to protect **Yourself** from being under or over-covered is to opt for the sum covered determined by a market valuation system approved by Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM).*

**Apakah Diskaun Tanpa Tuntutan? / *What is No Claim Discount ?***

Ini merupakan suatu ganjaran yang diberi dalam bentuk diskaun jika **Anda** tidak membuat tuntutan dalam Tempoh Perlindungan Takaful sebelum ini (dengan syarat Tempoh Perlindungan Takaful tersebut melebih setahun). Skala NCD yang digunakan dinyatakan secara khusus di dalam sijil ini.
*This is a form of contribution discount for not having made a claim during the preceding period of **Your** Takaful (provided the period of Takaful exceeds one year).The scale of NCD applied is specifically mentioned in the certificate.*

**Anda** boleh menyemak NCD berkenaan dengan **Kami** atau melalui Pangkalan Data Pusat NCD (Central NCD Database ("CND")) di https://www.mycarinfo.com.my/ncdcheck/online sebelum menyertai Sijil Kereta Persendirian **Anda**.
*The applicable NCD can be checked with **Us** or the Central NCD Database ("CND") at https:// www.mycarinfo.com.my/ncdcheck/ online before the participation of **Your** Private Car Certificate.*

**Apakah Maksud Ekses? / *What is an Excess?***

Ini adalah amaun pertama yang **Anda** terpaksa tanggung sendiri bagi setiap tuntutan yang **Kami** luluskan, walaupun kejadian itu bukan salah **Anda**. Walau bagaimanapun, adalah dimaklumkan bahawa, ekses tersebut tidak akan dikenakan jika kerugian atau kerosakan yang dialami adalah akibat kebakaran, letupan, disambar kilat, pecah masuk, pecah rumah, kecurian, kerosakan harta pihak ketiga atau tuntutan kecederaan tubuh badan pihak ketiga. Sila semak Jadual sijil **Anda** untuk mengetahui amaun yang **Anda** kena tanggung. Ekses ini dirujuk sebagai Endorsmen 1 atau 2 di dalam sijil **Anda**. Sila ambil perhatian bahawa di samping itu, terdapat juga Ekses Wajib (lihat halaman 15) di mana **Anda** juga mungkin terpaksa menanggung ekses tambahan sebanyak RM400 jika **Anda** atau orang yang memandu kereta **Anda** a:
*This is the first amount that **You** have to bear **Yourself** for each and every claim that **We** approve, even if the incident is not **Your** fault. However, please note that the excess does not apply to loss or damage caused by fire, explosion, lightning, burglary, housebreaking, theft, third party property damage or bodily injury claims. Please check **Your** Certificate Schedule to find out the amount that **You** are liable to make. This is referred to as Endorsement 1 or 2 in **Your** certificate. Note that there is also the Compulsory Excess (see page 15) where **You** have to bear an additional excess of RM400 if **You** or the person driving **Your** car:*

- di bawah umur 21 tahun; / *is under 21 years old;*
- pemegang lesen memandu sementara (P) atau percubaan (L); atau / *holds a Provisional (P) or Learner (L) driver's licence; or*
- tidak dinamakan dalam Jadual sijil sebagai pemandu dinamakan./ *is not named in the Schedule as a named driver.*

Contohnya, jika tuntutan yang harus **Kami** bayar sebanyak **RM10,000** tetapi sijil **Anda** mengenakan Ekses sebanyak **RM500**, **Anda** terpaksa menanggung sendiri **RM500** yang pertama dan baki **RM9,500** akan dibayar. Tetapi jika pemandu berkenaan di bawah umur 21 tahun, maka **Anda** mesti menanggung ekses tambahan sebanyak RM400. Dengan menggunakan contoh yang sama, **Anda** sekarang terpaksa menanggung RM900 (iaitu RM500 + RM400) dan **Kami** akan membayar RM9,100.
*As an example, if **We** assess the claim payable to be **RM10,000** but **Your** certificate carries an excess of RM500, **You** will have to bear the first **RM500 Yourself** and the balance of **RM9,500** will be made. However, if the driver is below 21 years old, **You** have to bear an additional excess of RM400. Using the same example, **You** now have to bear RM900 (i.e. RM500 + RM400) and **We** will make RM9,100.*

**Anda** boleh memilih untuk mengambil Ekses Sukarela sebagai tambahan kepada sebarang piawaian atau ekses wajib yang boleh dikenakan / ***You** may choose to take a Voluntary Excess in addition to any standard or compulsory excess that may apply.*

**Perkara yang Patut dan yang Tidak Patut Dilakukan** – setelah **Anda** mengalami kemalangan atau kecurian
***Do's and Don'ts** –**You** have had an accident or theft*

- **Patut Dilakukan / *Do:***
  - Hubungi **Pusat Panggilan Bantuan Kemalangan (AACC) 24 jam** talian bantuanTakaful kemalangan jalan raya seluruh negara bernombor

    ***1-300-22-1188* or *15-500***

    untuk bantuan segera di jalan raya atau perkhidmatan trak tunda sekiranya berlaku kemalangan jalan raya, atau untuk membuat pertanyaan mengenai prosedur tuntutan;

    Call Accident **Assist Call Centre (AACC) 24 hours** nationwide insurance road accident Helpline number

    ***1-300-22-1188* or *15-500***

    for immediate road assistance or tow service in the event of a road accident, or to make an enquiry on claims procedure;

- maklumkan kepada **Kami** secepat mungkin tentang sebarang kejadian yang barangkali berakhir dengan tuntutan;*inform **Us** as soon as possible about any incident which may give rise to a claim;*
- laporkan semua kemalangan kepada polis dalam tempoh 24 jam sepertimana yang dikehendaki oleh undang-undang;*report all accidents to the police within 24 hours as required by law;*
- serahkan dengan segera kepada **Kami** ke semua surat, tuntutan, writ, saman yang **Anda** terima daripada pihak ketiga akibat kejadian tersebut;*submit immediately to **Us** all letters, claims, writs and summons which **You** have received from third parties as a result of the incident;*

  - hantarkan kereta **Anda** ke Bengkel Pembaikan yang Diluluskan oleh PIAM atau panel membaiki kereta yang diluluskan oleh syarikat Takaful **Anda** untuk dibaiki atau untuk membaiki cermin depan atau menggantikannya;
    *remove **Your** car to a PIAM Approved Repairer or **Our** approved panel repairer for repairs or windscreen repairs or replacement;*

  - isikan dengan lengkap bahagian yang berkaitan dalam borang tuntutan – jangan tulis "rujuk kepada laporan polis"; dan
    *fully fill up the relevant sections of **Your** claim form – do not put "refer to police report"; and*

  - jika **Anda** mempunyai perlindungan Komprehensif dan pihak ketiga yang melanggar kereta **Anda** adalah jelas bersalah, **Anda** dinasihatkan untuk membuat tuntutan kerosakan sendiri Knock for Knock (KfK) kepada **Kami** untuk mempercepatkan proses tuntutan. Diskaun Tanpa Tuntutan (NCD) **Anda** tidak akan terjejas dan anda boleh menuntut ekses yang **Anda** telah bayar daripada syarikat Takaful /insurans pihak ketiga.
    *if **You** have a Comprehensive cover and the third party that knocked **Your** car is clearly at fault, **You** are advised to submit own damage Knock-for-Knock (KfK) claim to **Us** in order to expedite claims processing. **Your** NCD entitlement will not be affected and **You** can claim the excess that **You** had made from the Takaful operator/insurer of the third party.*

- **Tidak Patut Dilakukan (Jangan) / *Don't:***
  - berunding, mengaku atau menolak sebarang tuntutan tanpa persetujuan **Kami** (lihat Syarat 2 pada halaman 23 - 24); dan
    *negotiate, admit or repudiate any claim without **Our** consent (see Condition 2 in page 23 - 24); and*
  - memberikan kebenaran untuk membaiki tanpa persetujuan **Kami** (lihat Syarat 2f pada halaman 24)
    *authorise repair without **Our** consent (see Condition 2f in page 24).*

  Syarat 2 sijil **Anda** (lihat halaman 23 - 24) menerangkan dengan lebih terperinci di mana perkara yang patut dan yang tidak patut dilakukan selepas kemalangan atau kecurian.
  *Condition 2 of **Your** certificate (see page 23 - 24) spells out the do's and the don'ts after an accident or theft in more detail.*

# PRIVATE CAR CERTIFICATE

## Perjanjian Takaful / *The Takaful Agreement*

A. Jika **Kereta Anda** digunakan untuk sebarang tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion **Anda**, syarat di bawah akan diguna pakai:
*Where **Your Car** is used for any purpose that is not related to **Your** trade, business or profession, the following applies:*

**Kontrak Takaful Pengguna / *Consumer Takaful Contract***

**Sijil** ini dikeluarkan berdasarkan / *This **Certificate** is issued pursuant to:*

- bayaran caruman sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Takaful kepada **Akaun Pelaburan Risiko Am (GRIA)**di bawah prinsip Tabarru 'untuk membantu peserta lain dalam acara sebagaimana yang ditakrifkan dalam sijil ini;
the *contribution made as specified in the **Takaful** Schedule to the **General Risk Investment Account (GRIA)** under the principle of Tabarru' to help other participants in the event as defined in this certificate;*

- jawapan yang **Anda** berikan dalam Borang Cadangan (atau semasa **Anda** memohon Takaful ini); dan serta lain-lain pendedahan yang **Anda** buat di antara waktu Borang Cadangan diserahkan (atau semasa **Anda** memohon Takaful ini) dan waktu kontrak ini mula berkuat kuasa. Jawapan serta apa-apa pendedahan lain yang **Anda** beri akan dijadikan asas kepada kontrak Takaful di antara **Anda** dan **Kami**. Walau bagaimanapun, jika berlaku apa-apa salah nyataan bersabit jawapan **Anda** atau apa-apa pendedahan lain yang **Anda** berikan di peringkat pra-kontrak, hanya remedi dalam remedi dari Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 akan diguna pakai.
*the answers given in **Your** Proposal Form (or when **You** applied for this Takaful); and any other disclosures made by **You** between the time of submission of **Your** Proposal Form (or when **You** applied for this Takaful) and the time this contract is entered into. The answers and any other disclosures given by **You** shall form part of this contract of Takaful between **You** and **Us**. However, in the event of any pre-contractual misrepresentation made in relation to **Your** answers or in any disclosures given by **You**, only the remedies in remedies of Schedule 9 of the Islamic Financial Services Act 2013 will apply.*

Adalah menjadi tanggungjawab **Kami** untuk menguruskan **Akaun Pelaburan Risiko Am (GRIA)** bagi pihak peserta di bawah model Wakalah. Sekiranya terdapat baki dalam **GRIA** yang tidak mencukupi untuk membayar manfaat-manfaat Takaful **Anda** semasa Tempoh Perlindungan Takaful, **Kami** akan membuat keseimbangan dalam **GRIA** di bawah kontrak Qard (pinjaman) jika kekurangan bukan disebabkan oleh kecuaian **Kami**. Walau bagaimanapun jika kekurangan tersebut disebabkan oleh kecuaian **Kami**, **Kami** akan membuat pindahan secara langsung. **Anda** seterusnya bersetuju bahawa lebihan masa depan **Anda** yang diperoleh dari **GRIA** semasa Tempoh Perlindungan Takaful **Anda** boleh digunakan untuk membayar tunggakan Qard dalam **GRIA** (jika ada) kepada **Kami**.
*It is **Our** responsibility to manage the **General Risk Investment Account (GRIA)** on behalf of the participants under the model of Wakalah. In the event of insufficient balance in to make **GRIA Your** Takaful Benefits during the period of Takaful, **We** will make good the balance in the **GRIA** under the contract of Qard (loan) provided that the insufficiency is not due to **Our** negligence. If the insufficiency is due to **Our** negligence, **We** will make the outright transfer for the insufficiency. **You** further agree that **Your** future surplus arising from **GRIA** during **Your** Takaful period can be used to make for outstanding Qard in **GRIA** (if any) to **Us**.*

**Sijil** ini mencerminkan terma dan syarat kontrak Takaful yang dipersetujui di antara **Anda**, **Kami** dan peserta **GRIA**.
*This **Certificate** reflects the terms and conditions of the contract of Takaful as agreed between **You, Us** and participants of the **GRIA**.*

B. Jika **Kereta Anda** digunakan untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion **Anda**, syarat di bawah akan diguna pakai:
*Where **Your Car** is used for purposes related to **Your** trade, business or profession, the following applies:*

**Kontrak Takaful Komersial / *Non-Consumer Takaful Contract***

**Sijil** ini dikeluarkan menurut bayaran caruman seperti yang ditentukan dalam Jadual **Sijil** kepada **GRIA** di bawah prinsip tabarru' untuk membantu peserta **GRIA** dan menjadi tanggungjawab **Kami** untuk menguruskan **GRIA** bagi pihak peserta di bawah model Wakalah dan berdasarkan jawapan yang **Anda** berikan dalam Borang Cadangan (atau semasa **Anda** memohon Takaful ini) serta lain-lain pendedahan yang **Anda** buat di antara waktu Borang Cadangan diserahkan (atau semasa **Anda** memohon Takaful ini) dan waktu kontrak ini mula berkuat kuasa. Jawapan serta apa-apa pendedahan lain yang **Anda** beri akan dijadikan asas kepada kontrak Takaful di antara **Anda** dan **Kami**. Jika berlaku apa-apa salah nyataan bersabit jawapan **Anda** atau apa-apa pendedahan lain yang **Anda** berikan di peringkat pra-kontrak, boleh menyebabkan **Kami** mengelak kontrak Takaful, menolak atau mengurangkan tuntutan **Anda**, menukar terma atau menamatkan kontrak Takaful **Anda**.
*This **Certificate** is issued in consideration of the contribution made as specified in the **Takaful** Schedule to the **GRIA** under the principle of tabarru' to help participants of **GRIA** and o **Our** responsibility to manage the **GRIA** on behalf of the Participants under the model of Wakalah and pursuant to the answers given in **Your** Proposal Form (or when **You** applied for this Takaful) and any other disclosures made by **You** between the time of submission of **Your** Proposal Form (or when **You** applied for this Takaful) and the time this contract is*

*entered into. The answers and any other disclosures given by **You** shall form part of this contract of Takaful between **You** and **Us**. In the event of any pre-contractual misrepresentation made in relation to **Your** answers or in any disclosures made by **You**, it may result in avoidance of **Your** contract of Takaful, refusal or reduction of **Your** claim(s), change of terms or termination of **Your** contract of Takaful*

Adalah menjadi tanggungjawab **Kami** untuk menguruskan **GRIA** bagi pihak peserta di bawah model Wakalah. Sekiranya terdapat baki dalam **GRIA** yang tidak mencukupi untuk membayar manfaat-manfaat Takaful **Anda** semasa Tempoh Perlindungan Takaful, **Kami** akan membuat keseimbangan dalam **GRIA** di bawah kontrak Qard (pinjaman) jika kekurangan bukan disebabkan oleh kecuaian **Kami**. Walau bagaimanapun jika kekurangan tersebut disebabkan oleh kecuaian **Kami**, **Kami** akan membuat pindahan secara langsung. **Anda** seterusnya bersetuju bahawa lebihan masa depan **Anda** yang diperoleh dari **GRIA** semasa Tempoh Perlindungan Takaful **Anda** boleh digunakan untuk membayar tunggakan Qard dalam **GRIA** (jika ada) kepada **Kami**.
*It is **Our** responsibility to manage the **GRIA** on behalf of the participants under the model of Wakalah. In the event of insufficient balance in **GRIA** to make **Your** Takaful Benefits during the period of Takaful, **We** will make good the balance in the **GRIA** under the contract of Qard (loan) provided that the insufficiency is not due to **Our** negligence. If the insufficiency is due to **Our** negligence, **We** will make the outright transfer for the insufficiency. **You** further agree that **Your** future surplus arising from **GRIA** during **Your** Takaful period can be used to make for outstanding Qard in **GRIA** (if any) to **Us**.*

**Sijil** ini mencerminkan terma dan syarat kontrak Takaful yang dipersetujui di antara **Anda, Kami** dan peserta **GRIA**.
*This **Certificate** reflects the terms and conditions of the contract of Takaful as agreed between **You, Us** and participants of the **GRIA.***

## Seksyen A: Kerugian atau Kerosakan pada Kereta Anda Sendiri
## *Section A : Loss or Damage to Your Own Car*

Seksyen ini menjelaskan apa yang dilindungi di bawah Seksyen A dan ia hanya boleh diguna pakai jika **Anda** memperolehi Perlindungan Komprehensif.
*This section spells out the coverage under Section A and is only applicable if **You** have Comprehensive cover.*

### *1a:* Apa yang Dilindungi / *What Is Covered*

**Anda** akan dibayar ganti rugi jika **Kereta Anda** hilang atau rosak dalam **Tempoh Perlindungan Takaful** akibat **Kejadian-Kejadian** berikut :
**You** will be indemnified if **Your Car** is lost or damaged during the **Period of Takaful** arising from the following **Incidents**:

***(i)*** berlanggar atau terbalik akibat kemalangan / *accidental collision or overturning;*

***(ii)*** berlanggar atau terbalik akibat kerosakan mekanikal / *collision or overturning caused by mechanical breakdown;*

***(iii)*** berlanggar atau terbalik akibat haus dan lusuh / *collision or overturning caused by wear and tear;*

### *1b:* Apa yang Tidak Dilindungi / *What Is Not Covered*

**Kejadian yang tidak dilindungi merupakan pengecualian-pengecualian yang tersenarai di bawah. Pengecualian ini khusus untuk Seksyen A dan adalah tambahan kepada pengecualian yang tersenarai dalam Seksyen D dan Endorsmen yang berkaitan.**
***The events which are not covered are the exceptions listed below. These exceptions are specific to Section A and are in addition to exceptions listed in Section D and the applicable Endorsements.***

**Anda tidak akan dibayar kerugian berikut / *We will not make for the following losses:***

***(i)*** ***Kerugian Turutan / Consequential Losses***
Apa-apa jenis kerugian secara langsung atau tidak akibat daripada sebarang Kejadian selain yang diberikan di bawah Seksyen A2./ *Any direct or indirect losses of any kind that may arise as a consequence of any **Incident** other than that provided for in Section A2.*

***(ii)*** ***Hilang Kegunaan Kereta Anda / Loss of Use***
Apa-apa perbelanjaan atau kerugian kewangan sampingan yang **Anda** tanggung kerana tidak dapat menggunakan **Kereta Anda** contohnya kos menyewa kereta gantian, tambang pengangkutan dsb / *Any expense or financial loss that **You** may incur because **You** cannot use **Your Car** e.g. cost of hiring replacement car, travelling expenses etc*.

*(iv)* rosak akibat dihempap objek jatuh dengan syarat ini tidak bersabit banjir, taufan, hurikan, ribut, ribut kencang, letusan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh, gelinciran tanah, penurunan atau penenggelaman tanah ataupun konvulsi semula jadi yang lain / *impact damage caused by falling objects provided no convulsions of nature is involved;*

*(v)* kebakaran, letupan atau di sambar kilat / *fire, explosion or lightning;*

*(vi)* pecah cermin depan/belakang, tingkap atau tingkap bumbung matahari termasuk filem salutan/mewarna jika ada; / *breakage of windscreen, windows or sunroof including lamination/tinting film, if any;*

> Walau bagaimanapun NCD akan terjejas jika **Anda** membuat tuntutan pecah cermin tanpa menyertai **Endorsmen 89** terlebih dahulu.
> *However, **Your** NCD would be forfeited when **You** make windscreen, windows or sunroof claim if **You** have not already participated **Endorsement 89**.*

*(vii)* pecah masuk, pecah rumah atau kecurian / *burglary, housebreaking or theft;*

*(viii)* perbuatan niat jahat; atau / *malicious act; or*

*(ix)* semasa dalam transit iaitu, semasa **Kereta Anda** dibawa dari suatu tempat ke tempat yang lain (termasuk semasa punggah memunggah) melalui / *while in transit i.e. being carried from one place to another (including during loading and unloading) of **Your Car** by:*

a. **Jalan** / ***Road;***
b. jalan kereta api / rail;
c. laluan air pendalaman, contohnya menyeberangi sungai atau terusan dsb.; atau / *inland waterway i.e. across a river or canal etc.; or*
d. laluan laut terus merentasi selat antara Pulau Pinang dan Semenanjung sahaja / *across the sea by ferry or ship or any sea faring vessels etc. between the island of Penang and the mainland only.*

> Dengan membayar caruman tambahan, **Sijil Anda** boleh diperluaskan untuk perlindungan transit feri di antara Sabah dan Labuan (**Endorsmen 109**).
> *For an additional contribution, **Your Certificate** can be extended to cover for ferry transit between Sabah and Labuan (**Endorsement 109**).*

> Dengan membayar caruman tambahan, **Sijil Anda** boleh ditambah dengan untuk bayaran harian bagi tempoh yang dipersetujui.
> (**Endorsmen 112**)
> *For an additional contribution, **Your Certificate** can be extended to cover an agreed payment per day for an agreed duration (**Endorsement 112**).*

*(iii)* **Susut Nilai / *Depreciation***
Penurunan nilai **Kereta Anda** akibat kerosakan yang dialami atau jangka masa yang diambil untuk membaiki **Kereta**, dan/atau sebarang kerugian atau kerosakan disebabkan haus dan lusuh, karat dan hakisan kerana telah melalui jangka masa umur */ The loss of value of **Your Car** due to the damage sustained or the time taken to repair the **Car**, and/or for any loss or damage that results over a prolonged period of time due to wear and tear, rust and corrosion.*

*(iv)* **Kerosakan atau Kepincangan Tugas (Malfungsi) Peralatan / *Breakdown or Malfunction of Parts***
Sebarang kerosakan mekanikal, elektrik atau elektronik, kepincangan tugas peralatan atau komputer, atau apa-apa saja kegagalan atau kerosakan terhadap fungsi **Kereta Anda** / *Any mechanical, electrical or electronic breakdown, equipment or computer malfunction, or any other failure or breakdown to **Your Car**.*

*(v)* **Kerosakan pada Tayar / *Damage to Tyre(s)***
Sebarang kerosakan pada tayar **Kereta Anda** kecuali jika bahagian-bahagian lain **Kereta Anda** juga turut rosak pada masa yang sama / *Any damage to the tyre(s) of **Your Car** unless other parts of **Your Car** are also damaged at the same time.*

*(vi)* **Malapetaka Alam / *Convulsions of Nature***
Sebarang kerugian atau kerosakan pada **Kereta Anda** akibat banjir, taufan, hurikan, ribut, ribut kencang, letusan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh, gelinciran tanah, penurunan atau penenggelaman tanah ataupun malapetaka alam yang lain / *Any loss or damage to **Your Car** caused by flood, typhoon, hurricane, storm, tempest, volcanic eruption, earthquake, landslide, landslip, subsidence or sinking of the soil/earth or other convulsions of nature.*

*(vii)* **Kerosakan atau Kepincangan Tugas (Malfungsi) Peralatan / *Breakdown or Malfunction of Parts***
Sebarang kerosakan mekanikal, elektrik atau elektronik, kepincangan tugas peralatan atau komputer, atau apa-apa saja kegagalan atau kerosakan terhadap fungsi **Kereta Anda** / *Any mechanical, electrical or electronic breakdown, equipment or computer malfunction, or any other failure or breakdown to **Your Car**.*

*(viii)* **Kehilangan Data Elektronik / *Loss of Electronic Data***
Kehilangan data elektronik dan sebarang akibat yang timbul daripada keadaan itu, secara langsung atau tidak langsung kerana disebabkan atau berkaitan dengan virus komputer. Ini termasuk keadaan di mana ia tidak boleh digunakan, fungsinya berkurangan atau apa-apa kerugian atau perbelanjaan yang berkaitan dengan data elektronik / *Loss of electronic data and any*

*consequences arising from it, directly or indirectly caused by or in connection with a computer virus. This includes loss of use, reduced functionality, or any other associated loss or expense in connection with the electronic data.*

***(ix)*** **Penipuan atau Jenayah Pecah Amanah / *Cheating or Criminal Breach of Trust***

Apa-apa kerugian atau kerosakan, termasuk kecurian yang disebabkan oleh atau berpunca daripada perbuatan **Penipuan** atau **Jenayah Pecah Amanah** oleh sesiapa sahaja / *Any loss or damage, including theft, caused by or attributed to the act of **Cheating** or **Criminal Breach of Trust** by any person.*

## 2: Asas Penyelesaian Tuntutan / *Basis of Settlement*

Seksyen ini menerangkan bagaimana **Kami** boleh menyelesaikan tuntutan **Anda** sekiranya **Kami** memutuskan bahawa tuntutan itu layak dibayar mengikut Seksyen A. Jika **Kereta Anda** rosak akibat sebarang **Kejadian**, **Kami** mempunyai pilihan untuk melakukan seperti berikut:
*This section explains how **We** will settle **Your** claim once **We** accept that it is payable under Section A. If **Your Car** is damaged as a result of any **Incident**, **We** have the option of doing the following:*

***a.*** **Jika Kereta Anda Boleh Dibaiki / *If Your Car is Repairable***

Jika pada pendapat **Kami** lebih berhemat **Kereta Anda** dibaiki, **Kami** boleh memilih sama ada untuk:
*If in Our opinion **Your** Car is economical to repair, **We** have the option to:*

- mengatur supaya **Kereta Anda** dibaiki oleh **Bengkel** yang **Kami** luluskan dan membayar kos membaiki **Kereta Anda** supaya sehampir mungkin berada dalam keadaan seperti sedia kala sepertimana sebelum berlaku kerosakan / *arrange for **Your Car** to be repaired at **Our** approved **Repairer** and make the cost of repairing **Your Car** to the condition which is as near as possible to the condition it was in before the loss happened;*

- membayar **Anda** secara tunai jumlah yang **Kami** anggarkan wajar untuk membaiki **Kereta Anda**; atau / *make **You** in cash the amount **We** estimate it would cost to repair **Your Car**; or*

- mengembalikan atau mengganti **Kereta Anda** dengan kereta yang sama buatannya, modelnya, umurnya dan keadaan umumnya / *reinstate or replace **Your Car** with one of the same make, model, age and general condition.*

***b.*** **Jika Kereta Anda Tidak Boleh Dibaiki / *If Your Car is not Repairable***

Jika pada pendapat **Kami**, kerosakan pada **Kereta Anda** sangat teruk dan tidak selamat atau berhemat dibaiki, **Kami** akan mengisyitiharkan **Kereta Anda** sebagai "Tidak Berhemat Dibaiki" (**BER**) dan **Anda** anda akan dibayar amaun maksimum seperti yang dinyatakan pada perenggan (d) di bawah. **Kami** juga boleh memilih untuk mengganti **Kereta Anda** dengan kereta yang sehampir mungkin sama buatannya, modelnya, umurnya dan keadaan umumnya. Jika **Kami** mengambil mana-mana tindakan ini, **Sijil** ini akan ditamatkan secara automatik setelah **Kami** membuat pembayaran.
*If in **Our** opinion, the damage to **Your Car** is so great that it would not be safe or economical to repair, **We** will declare **Your Car** "Beyond Economic Repair" ("BER") and **You** will be made up to the maximum amount as stated in (d) below or offer **You** a settlement sum equivalent to the **Market Value**. **We** may also opt to replace **Your Car** with one of the same make, model, age and general condition. If **W**e take any of these actions, this **Certificate** shall be automatically terminated once **We** make payment.*

Dalam keadaan di mana jurang perbezaan penilaian **Nilai Pasaran** oleh pemegang francais lebih daripada 10%, **Kami** juga mempunyai pilihan menawarkan amaun bersamaan dengan kos mengganti **Kereta Anda** dengan kereta yang sehampir mungkin sama buatannya, modelnya, umurnya dan keadaan umumnya pada masa kerugian berlaku. Pilihan untuk menawarkan gantian **Kereta** masih ditawarkan kepada **Anda**, jika **Anda** tidak setuju dengan tawaran ini.
*In cases where the valuation of the franchise-holder vary from **Market Value** by more than 10%, **We** would also have the option to offer a settlement value which is equal to the cost of acquiring a replacement car of the same make, model and age of the **Car** at the time of loss. It is **Our** option to offer **You** a replacement of the **Car**, should **You** not agree with the offer.*

***c.*** **Penggantian Alat-Alat Ganti / *Replacement Parts***

Jika alat ganti atau **Aksesori** yang diperlukan untuk membaiki **Kereta Anda** tidak terdapat di Malaysia, atau sekiranya **Kami** memilih untuk membayar kerugian atau kerosakan tersebut secara tunai, **Kami** akan selesaikan tuntutan **Anda** berdasarkan berikut / *If the spare parts or **Accessories** required to repair **Your Car** are not available in Malaysia, or if **We** choose to make for the loss or damage in cash, **We** will settle **Your** claim on the following basis:*

- Mengikut senarai harga terakhir yang dikeluarkan di Malaysia oleh pengilang atau agen mereka. Jika senarai harga tidak wujud di Malaysia, **Kami** akan menggunakan harga di kilang pengeluaran dan ditambah dengan kos pengangkutan yang munasabah ke Malaysia (tetapi bukan kos kargo udara); dan / *the last known parts price list issued in Malaysia by the manufacturer or their agent. If the price list in Malaysia does not exist, **We** will use the price at the manufacturer's production plant and include reasonable cost of transportation to Malaysia (but not the cost of air freight); and*

- kos buruh yang munasabah untuk memasang alat ganti atau **Aksesori** di Malaysia / *the reasonable labour cost of fitting such spare parts or **Accessories** in Malaysia.*

***d.*** **Amaun Maksimum yang akan Dibayar Kepada Anda / *The Maximum Amount will Be Made To You***

Jika **Kereta Anda** Tidak Dapat Dibaiki Secara Berhemat (**BER**) atau dicuri dan tidak dapat dijumpai semula, amaun yang boleh dibayar di bawah **Sijil** ini adalah mengikut **Nilai Pasaran** pada masa kerugian atau **Amaun Dilindungi** seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual Sijil,** mengikut yang mana yang lebih rendah. Sebaik sahaja amaun tersebut dibayar, **Sijil** ini akan ditamatkan secara automatik. **Nilai Pasaran** akan ditentukan mengikut Fasal 14 dan 15 Seksyen F.

*If **Your Car** is "Beyond Economic Repair" (BER) or stolen and not recovered, the amount payable under the **Certificate** will be the **Market Value** at the time of the loss or the **Sum Covered** as shown in the **Schedule**, whichever sum is the lesser. Upon **Our** payment of the said amount, this **Certificate** shall be automatically terminated. The **Market Value** is to be determined according to clauses 14 and 15 of Section F.*

***e. Kekurangan Perlindungan / Under-Coverage***

Jika **Amaun Dilindungi** bagi **Kereta Anda** didapati kurang daripada **Nilai Pasaran** pada masa berlakunya kerugian, **Kami** akan hanya menanggung sebahagian kerugian setimpal dengan perbezaan di antara **Nilai Pasaran** dan **Amaun Dilindungi** mengikut formula di bawah:
*If the **Sum Covered** of **Your Car** is less than the **Market Value** at the time of the loss, **We** will only make part of the loss in proportion to the difference between the **Market Value** and the **Sum Covered** as shown in the formula below:*

$$\frac{\textbf{Amaun Dilindungi / } \textbf{\textit{Sum Covered}}}{\textbf{Nilai Pasaran / } \textbf{\textit{Market Value}}} \times \textbf{Kerugian Tertaksir / } \textbf{\textit{Assessed Loss}}$$

Bakinya hendaklah ditanggung oleh **Anda** sendiri. Walau bagaimanapun, denda ini hanya akan dikenakan jika amaun *kekurangan Perlindungan* melebihi 10% daripada **Nilai Pasaran**.
*The balance has to be borne by **You**. However, this will only apply if the under-covered amount is more than 10% of the **Market Value**.*

***f. Penambahbaikan / Betterment***

Jika alat ganti asli yang baharu digunakan untuk membaiki **Kereta Anda** dan ini menyebabkan **Kereta Anda** berada dalam keadaan yang lebih baik daripada keadaannya sebelum kerosakan berlaku, **Anda** perlu menyumbang terhadap penambahbaikan itu, dengan menanggung sebahagian kos alat ganti baharu dan asli tersebut. Caruman anda adalah berdasarkan skala berikut:
*If new original parts are used to repair **Your Car** and as a result of which **Your Car** is in a better condition than it was before the damage, **You** would be required to contribute to its betterment, a proportion of the costs of such new original parts. **Your** contribution would be according to the following scale:*

| **Umur Kereta Anda (Tahun)**<br>***Age of Your Car (Years)*** | **Kadar Penambahbaikan**<br>***Rate of Betterment*** |
|---|---|
| Kurang daripada 5 tahun / *less than 5* | 0 |
| 5 | 15% |
| 6 | 20% |
| 7 | 25% |
| 8 | 30% |
| 9 | 35% |
| 10 dan ke atas / *10 and above* | 40% |

Kadar penambahbaikan yang diguna pakai akan ditentukan oleh umur **Kereta Anda** yang akan dihitung berdasarkan tahun pada asalnya ia didaftarkan di Malaysia / *To determine the rate of betterment to be applied, the age of **Your Car** will be calculated based on when it was originally registered in Malaysia:*

| | | |
|---|---|---|
| a. | sebagai kereta tempatan<br>*as a locally assembled car* | Tarikh Pendaftaran Asal<br>*Date of Original Registration* |
| b. | sebagai kereta baharu import unit siap dipasang (Completely Built Unit -CBU)<br>*as a new imported Completely Built Unit (CBU) car* | Tahun Buatan / *Year of Manufacture* |
| c. | sebagai kereta import terpakai/telah digunakan/disesuaikan semula<br>*as an imported second-hand/used/reconditioned car* | Tahun Buatan / *Year of Manufacture* |

*g.* ***Ekses Wajib*** *(sila lihat halaman 8 - 9 untuk penjelasan) /* ***Compulsory Excess*** *(please see page 8 - 9 for explanation)*

Di samping **Ekses** yang ditunjukkan di dalam **Jadual Sijil**, **Kami** berhak potong RM400 lagi sebagai **Ekses** Wajib jika pada waktu berlakunya **Kejadian**, **Anda** atau orang yang memandu **Kereta Anda** dengan izin **Anda** / *In addition to the* ***Excess*** *shown in the* ***Schedule, We*** *have the right to deduct another RM400 as Compulsory* ***Excess*** *if at the time of the* ***Incident***, ***You*** *or the person driving* ***Your Car*** *with* ***Your*** *consent:*

- adalah di bawah umur 21 tahun / *is under 21 years old*
- memegang lesen memandu Percubaan (P) atau Sementara (L); atau / *ds a Provisional (P) or Learner (L) driver's licence; or*
- tidak dinamakan di dalam **Jadual Sijil** sebagai **Pemandu Dinamakan** / *is not named in the* ***Schedule*** *as* ***Named Driver***.

**Kami** tidak akan memotong **Ekses** tambahan RM400 ini jika kerugian atau kerosakan adalah disebabkan kebakaran, letupan, disambar kilat, pecah masuk, pecah rumah, kecurian, kerosakan harta pihak ketiga atau tuntutan kecederaan tubuh badan pihak ketiga.
***We*** *will not deduct this additional RM400* ***Excess*** *if the loss or damage is caused by fire, explosion, lightning, burglary, housebreaking, theft, third party property damage or bodily injury claims.*

## ***3:*** **Kos Menunda /** ***Towing Costs***

Jika **Kereta Anda** tidak boleh dipandu kerana rosak akibat **Kejadian** yang dilindungi di bawah **Sijil** ini, **jumlah maksimum sehingga RM200 akan dibayar bagi kos munasabah** untuk menunda **Kereta Anda** ke **Bengkel** terdekat yang diluluskan atau ke tempat simpanan yang selamat sementara menunggu dibaiki atau dihapuskan.
*If* ***Your Car*** *cannot be driven as a result of any damage to it that is covered by this* ***Certificate***, *an amount up to a maximum of RM 200 will be made for the necessary and reasonable costs to remove* ***Your Car*** *to the nearest approved* ***Repairer*** *or to a safe place of storage while awaiting repair or disposal.*

## Seksyen B: Liabiliti Terhadap Pihak Ketiga
## *Section B: Liability to Third Parties*

Seksyen ini menerangkan apa yang dilindungi dan apa yang tidak dilindungi di bawah Seksyen B.
*This section explains what is covered and not covered under Section B.*

### 1a: Apa yang Dilindungi?
### *1a: What is Covered?*

**Anda** dan/atau **Pemandu Dibenarkan** akan dibayar ganti rugi mengikut undang-undang kepada mana-mana pihak ketiga (termasuk kos dan perbelanjaan pihak ketiga) atas sebab:
***You** and/or **Your Authorised Driver** will be indemnified for the amount which **You** and/or **Your Authorised Driver** are legally liable to make any third party (including third party's costs and expenses) for:*

**(i)** kematian atau kecederaan tubuh badan mana-mana orang melainkan mereka yang dikecualikan secara khusus di dalam **Sijil** ini; dan/atau / *death or bodily injury to any person except those specifically excluded under this **Certificate**; and/or*

**(ii)** kerosakan terhadap harta melainkan harta kepunyaan mereka yang dikecualikan secara khusus di dalam **Sijil** ini / *damage to property except those specifically excluded under this **Certificate***

akibat **Kejadian** yang berpunca dari penggunaan **Kereta Anda** di **Jalan**. Perlindungan ini diperluaskan kepada **Pemandu Dibenarkan** dengan syarat **Pemandu Dibenarkan** itu mematuhi semua terma dan syarat **Sijil** ini / *as a result of an **Incident** arising out of the use of **Your Car** on a **Road**. This cover is extended to **Your Authorised Driver** provided **Your Authorised Driver** also complies with all the terms and conditions of this **Certificate**.*

### 2: Had Liabiliti Kami / *Limits of Our Liability*

Berikut akan dibayar untuk mana-mana tuntutan, atau satu siri tuntutan yang timbul akibat satu **Kejadian**, dalam mana-mana satu **Tempoh Perlindungan Takaful** :
*The following will be made for any one claim, or series of claims arising from one **Incident**, in any one **Period of Takaful**:*

**(i)** kematian atau kecederaan tubuh badan pihak ketiga - tidak terhad; dan/atau / *unlimited amount for death or bodily injury to third party; and/or*

**(ii)** kerosakan harta pihak ketiga sehingga RM3,000,000 had maksimum / *up to a maximum of RM3,000,000 for third party property damage.*

> Dengan membayar caruman tambahan, had liabiliti untuk kerosakan harta pihak ketiga boleh diperluaskan sehingga RM20,000,000.
> (**Endorsmen 105**)
> *For an additional contribution, the limits of liability for third party property damage can be extended up to RM20,000,000 (**Endorsement 105**).*

### 1b: Apa yang Tidak Dilindungi?
### *1b: What is Not Covered?*

Pengecualian berikut adalah khusus untuk Seksyen B dan adalah tambahan bagi Pengecualian yang dinyatakan di dalam Seksyen D Sijil ini serta mana-mana **Endorsmen** yang berkaitan. **Anda** tidak akan dibayar bagi:
*These exceptions are specific to Section B and are in addition to the Exceptions stated in Section D of this **Certificate** and any other applicable **Endorsement**. **You** will not be made for:*

**(i)** kematian atau kecederaan tubuh badan kepada mana-mana penumpang yang dibawa untuk tujuan sewaan atau mengutip tambang / *death or bodily injury to any passenger being carried for hire or reward;*

**(ii)** kematian atau kecederaan tubuh badan kepada mana-mana orang di mana kematian atau kecederaan tersebut berlaku berpunca daripada dan semasa orang berkenaan melaksanakan tugasan dengan **Anda** atau dengan **Pemandu Dibenarkan** / *death or bodily injury to any person where such death or injury arises out of and in the course of the employment of such person by **You** or by **Your Authorised Driver**;*

> Bagi caruman tambahan, Sijil **Anda** boleh diperluaskan untuk melindungi **Anda/pemandu/ penumpang** semasa dalam perjalanan di dalam **Kereta Anda**.(Endorsemen 200)
> *For an additional contribution, **Your** certificate can be extended to cover **You/driver/passenger** whilst travelling in **Your Car**. (Endorsement 200)*

> Di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987, **Sijil** ini tidak dikehendaki melindungi, kecuali dalam hal kenderaan motor yang membawa penumpang untuk sewa atau upah atau disebabkan oleh atau menurut suatu kontrak pekerjaan, liabiliti berkenaan dengan kematian atau kecederaan tubuh badan yang dialami oleh orang yang dibawa di dalam atau di atas kenderaan itu atau yang memasuki atau menaiki atau turun daripadanya semasa berlakunya kejadian itu yang menyebabkan timbulnya tuntutan tersebut;
> *Under the Road Transport Act 1987, this **Certificate** shall not be required to cover, except in the case of a motor vehicle in which passengers are carried for hire or reward or by reason of or in pursuance of a contract of employment, liability in respect of death of or bodily injury to persons being carried in or upon or entering or getting onto or alighting from the motor vehicle at the time of the occurrence of the event out of which the claims arise.*

## *3:* Perlindungan untuk Wakil Sah Di sisi Undang-undang *Cover for Legal Personal Representatives*

Berikutan kematian mana-mana orang yang dilindungi di bawah **Sijil** ini, **Kami** akan mengganti rugi wakil sah di sisi undang-undang orang tersebut bagi liabiliti yang dilindungi di bawah Seksyen ini, dengan syarat wakil berkenaan mematuhi semua terma dan syarat **Sijil** ini./ *Following the death of any person covered under this **Certificate**, that person's legal representatives will be indemnified for liability covered under this Section, provided such legal representatives comply with all the terms and conditions of the **Certificate**.*

## *4:* Kos Guaman Maksimum / *Maximum Legal Costs*

Jika **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan** dihadapkan pertuduhan memandu secara melulu dan berbahaya atau memandu secara cuai atau tidak bertimbang rasa di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 atau sebarang kesalahan yang berkaitan dengan **Kejadian** tersebut, kos guaman yang ditanggung akan dibayar sehingga amaun maksimum RM2,000 kerana membela **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan** asalkan kos tersebut ditanggung di Malaysia, Republik Singapura dan Negara Brunei Darussalam dan persetujuan bertulis daripada **Kami** telah diperoleh terlebih dahulu.
*If **You** or **Your Authorised Driver** is charged for reckless and dangerous driving or careless or inconsiderate driving under the Road Transport Act 1987 or any other offence related to the said **Incident**, legal cost incurred will be made up to a maximum of RM 2,000 to defend **You** or **Your Authorised Driver** provided always that such costs are incurred in Malaysia, the Republic of Singapore or Negara Brunei Darussalam, and provided that **Our** prior written consent had been secured.*
**Kami** hanya akan membayar kos guaman dan sebarang penalti yang dikenakan terhadap **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan** tidak akan dibayar.
*Only legal cost will be made and any penalty imposed on **You** or **Your Authorised Driver** will not be made.*

## 5: Hak Tuntut Balik / *Rights of Recovery*

**Anda** tidak akan dibayar ganti rugi jika **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan** telah memungkiri mana-mana syarat **Sijil** atau jika tuntutan terkeluar dari skop perlindungan yang **Kami** beri di bawah **Sijil** ini. Walau bagaimanapun, jika **Kami** dikehendaki oleh undang-undang yang dikuat kuasakan di Malaysia, Republik Singapura, atau Negara Brunei Darussalam untuk membayar sebarang jumlah penghakiman (*judgment sum*) berkaitan dengan sesuatu tuntutan di bawah Seksyen B **Sijil** yang jika tidak kerananya **Kami** tidak perlu membayarnya, **Kami** berhak meminta **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan** membayar balik kepada **Kami** amaun yang dibayar itu termasuk sebarang kos yang ditanggung.
*__We__ have a right to refuse to make **You** any indemnity or **Your Authorised Driver** if either of **You** commit a breach of any **Certificate** conditions or where the claim falls outside the scope of cover provided by **Us** under this **Certificate**. However, if **We** are legally required to make any judgment sum in respect of a claim under Section B of this **Certificate** because of laws in force in Malaysia, Republic of Singapore or Negara Brunei Darussalam, which **We** would otherwise not*

**Semasa dalam tugasan** – Mana-mana orang yang mati atau cedera (sama ada sebagai penumpang atau tidak) semasa berada di dalam atau di atas **Kereta** di mana ini adalah sebahagian dari tugasnya dengan pihak yang dilindungi contoh sebagai pencuci kereta, mekanik dsb.
***In the course of employment** – Any person who is injured/dies (whether as passenger or otherwise) while on the job and is in or on the said **Car** as part of his/her employment e.g. car wash worker, mechanic etc.*

**(iii)** kerosakan terhadap harta kepunyaan, atau di bawah jagaan atau di bawah kawalan atau diamanahkan kepada **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan** dan/atau mana-mana **Ahli Keluarga Anda** atau **Ahli Keluarga Pemandu Dibenarkan** / *damage to property belonging to or in the custody of or control of or held in trust by **You** or **Your Authorised Driver** and/or any member of **Your** or **Your Authorised Driver's Household**;*

***(iv)*** liabiliti kepada mana-mana orang yang dibawa di dalam atau di atas atau memasuki atau turun dari **Kereta Anda** kecuali dia dikehendaki dibawa dengan sebab atau bagi tujuan melaksanakan kontrak pekerjaannya dengan **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan** dan/atau majikannya / *liability to any person being carried in or upon or entering or getting onto or alighting from **Your Car** unless he/she is required to be carried in or on **Your Car** by reason of or in pursuance of his/her contract of employment with **You** or **Your Authorised Driver** and/or his/her employer;*

**Semasa melaksanakan kontrak pekerjaan** – Penumpang yang terpaksa dibawa ke suatu tempat untuk menjalankan tugas sebagaimana yang diperuntukkan dalam kontrak pekerjaan.
*In pursuance of the contract of employment **– The passenger is required to be carried to a destination in order to carry out the job as spelt out in his/her contract of employment.***

**Liabiliti terhadap penumpang** selain dari / ***Liability to passengers other than:***

*a)* penumpang yang dibawa untuk tujuan sewaan atau mengutip tambang / *passengers carried for hire or reward;*
*b)* pekerja yang sedang melaksanakan kontrak pekerjaan; atau / *employees in the course of employment; or*
*c)* **Ahli Keluarga Anda** atau **Ahli Keluarga Pemandu Dibenarkan** kecuali dia terpaksa dibawa di dalam **Kereta Anda** untuk menjalankan tugas seperti yang diperuntukkan dalam kontrak pekerjaan / ***Your** or **Your Authorised Driver's Household** member unless he/she is required to be carried in **Your Car** by reason of or in pursuance to a contract of employment;*

boleh dilindungi secara berasingan dengan caruman tambahan di bawah **Endorsmen 100.** Jika **Anda** telah mempunyai **Endorsmen** ini, **Anda** perlu merujuk kepada teks penuh **Endorsmen 100: Liabiliti di sisi Undang-undang terhadap Penumpang** mengenai apa yang

*have to make, **We** have the right to ask **You** or **Your Authorised Driver** to repay to **Us** the amount of that payment and any costs **We** have incurred in connection with the claim.*

dilindungi atau dikecualikan serta syarat yang terpakai untuk **Endorsmen** ini / *may be covered separately for additional contribution under **Endorsement 100**. If **You** have covered such liability, **You** will need to refer to the full text of **Endorsement 100: Legal Liability to Passengers** as to what this **Endorsement** covers or excludes and the applicable conditions.*

**(v)** liabiliti yang disebabkan oleh penumpang yang menaiki atau turun dari **Kereta Anda** / *liability caused by a passenger travelling in or alighting from **Your Car**;*

**Liabiliti bagi kemalangan yang disebabkan oleh penumpang Anda** mungkin boleh dilindungi secara berasingan dengan caruman tambahan di bawah **Endorsmen 72**. **Anda** perlu merujuk teks penuh **Endorsmen 72: Liabiliti Penumpang di sisi Undang-undang kerana Perbuatan Cuai** mengenai apa yang dilindungi atau dikecualikan serta syarat yang terpakai untuk **Endorsmen** ini.
***Liability for accidents caused by Your passengers** may be covered separately for additional contribution under **Endorsement 72**. **You** will need to refer to the full text of **Endorsement 72: Legal Liability of Passengers for Negligent Acts** as to what this **Endorsement** covers or excludes and the applicable conditions.*

**(vi)** apa-apa tuntutan yang dibawa terhadap **Anda** oleh mana-mana pemandu **Kereta Anda** sama ada dibenarkan atau tidak / *any claims brought against **You** by any driver of **Your Car**, whether authorised or not;*

**(vii)** apa-apa tuntutan yang dibawa ke mahkamah terhadap mana-mana orang di mana-mana negara di luar Malaysia, Republik Singapura atau Negara Brunei Darussalam; dan/atau / *any claims brought against any person in any country in courts outside Malaysia, the Republic of Singapore or Negara Brunei Darussalam; and/or*

**Semasa melaksanakan kontrak pekerjaan** – Penumpang yang terpaksa dibawa ke suatu tempat untuk menjalankan tugas sebagaimana yang di peruntukkan dalam kontrak pekerjaan.
***In pursuance of the contract of employment** – passenger is required to be carried to a destination in order to carry out the job as spelt out in his/her contract of employment.*

## Seksyen C: Diskaun Tanpa Tuntutan
## *Section C : No Claim Discount*

Seksyen ini menjelaskan sistem ganjaran yang dikenali sebagai "Diskaun Tanpa Tuntutan" atau No Claim Discount / *This section spells out the reward system known as the "No Claim Discount".*

***1.*** **Diskaun Tanpa Tuntutan / *No Claim Discount***

Jika **Anda** telah melindungi **Kereta Anda** selama 12 bulan secara berterusan dan **Anda** atau sesiapa yang lain tidak membuat apa-apa tuntutan terhadap **Sijil** ini dalam tempoh tersebut, Diskaun Tanpa Tuntutan akan diberikan setiap kali **Sijil** diperbaharui. Diskaun Tanpa Tuntutan ini akan meningkat setiap tahun **Sijil** diperbaharui selagi **Anda** terus tidak membuat tuntutan mengikut peratusan berikut:
*If **You** have covered **Your Car** for a continuous period of 12 months and **You** or anyone else did not make any claim under this **Certificate** during that time, a NCD will be applied at each renewal. The applicable NCD will increase with each renewal if **You** continue to have claim free years as follows:*

| Takaful bebas tuntutan mengikut tahun<br>Claim Free Year of Takaful | Kelayakan NCD / NCD Entitlement |
|---|---|
| Selepas 1 tahun berterusan tanpa tuntutan<br>*After 1 continuous claim free year* | 25% |
| Selepas 2 tahun berterusan tanpa tuntutan<br>*After 2 continuous claim free years* | 30 % |
| Selepas 3 tahun berterusan tanpa tuntutan<br>*After 3 continuous claim free years* | 38 1/3% |
| Selepas 4 tahun berterusan tanpa tuntutan<br>*After 4 continuous claim free years* | 45% |
| Selepas 5 tahun berterusan tanpa tuntutan dan seterusnya.<br>*After 5 continuous claim free years and beyond* | 55% |

**2. Satu Tuntutan dan Diskaun Tanpa Tuntutan Anda Menjadi Sifar /** ***One Claim and Your NCD is Down to Zero***

Jika **Anda** atau sesiapa yang lain mengalami **Kejadian** yang menyebabkan tuntutan terhadap **Sijil** ini, kelayakan NCD yang **Anda** telah kumpulkan akan menjadi sifar semasa pembaharuan seterusnya dan proses mengumpul NCD **Anda** terpaksa dimulakan semula. Jika sesuatu tuntutan diterima selepas NCD diberikan, **Kami** berhak menuntut semula daripada **Anda** NCD yang telah diberikan.
*If **You** or anybody else meet with an **Incident** which will give rise to a claim on this **Certificate**, the NCD entitlement that **You** have accumulated would drop to zero at the next renewal and **Your** NCD will start all over again. If a claim is received after the NCD has been applied, **We** shall be entitled to recover the NCD given from **You**.*

**3. Pengecualian Bagi Peraturan Ini /** ***Exception to this Rule***
NCD **Anda** tidak akan terjejas walaupun tuntutan dibuat jika:
***Your** NCD will not be affected even if a claim is made if:*

- **Kami** berpendapat bahawa **Anda** tidak bersalah menyebabkan kerugian tersebut / ***We** are of the opinion that **You** are not at fault for causing the loss;*
- kenderaan yang bersalah itu boleh dikenal pasti dan ia bukan kenderaan yang digunakan untuk membawa penumpang bagi tujuan sewaan atau mengutip tambang (contohnya teksi, kereta sewa, bas awam, bas henti-henti, bas sekolah dan bas kilang untuk disewa) / *the offending vehicle is identifiable and is not a vehicle used for carriage of passengers for hire or reward (for example taxis, hire cars, public buses, stage buses, school buses and factory buses for hire);*
- kenderaan yang bersalah itu dilindungi oleh syarikat Takaful/Insurans berlesen di Malaysia; dan / *the offending vehicle is covered by a Malaysian licensed Takaful operator/Insurance; and*
- tuntutan berkenaan tidak melibatkan kematian atau kecederaan tubuh badan / *there is no death or personal injury claim involved.*

**4. NCD Anda tidak boleh Dipindah milik /** ***Your NCD is not Transferable***
NCD adalah hak peribadi **Anda** dan ini bermakna jika **Anda** menjual **Kereta Anda** dan **Kami** bersetuju memindahkan **Sijil** ini kepada pemilik baharu, NCD **Anda** tidak boleh dipindahkan bagi manfaat pemilik baharu itu.
*The NCD is personal to **You** which means that if **You** were to sell **Your Car** and **We** agree to transfer this **Certificate** to the new owner, **Your** NCD cannot be transferred for the benefit of the new owner.*

***5. Jika NCD tidak Digunakan / Non-utilisation of NCD***
Bagi setiap tahun di mana Diskaun Tanpa Tuntutan tidak digunakan oleh **Anda**, NCD yang terkumpul itu dan diguna pakai untuk **Sijil** ini akan berkurangan setiap tahun ia tidak digunakan mengikut skala tertera di jadual dalam fasal C1 di atas.
*For every year that the NCD is not utilised by **You**, the NCD accumulated and applicable for this **Certificate** will be reversed in accordance with the scale set out in the table in clause C1 above.*

## Seksyen D : Pengecualian Am – ini diguna pakai bagi keseluruhan Sijil
## Section D : *General Exceptions - these apply to the whole Certificate*

Seksyen ini menyenaraikan keadaan yang tidak dilindungi oleh **Sijil** in ketika berlaku **Kejadian**. Ini merupakan pengecualian tambahan pada yang telah disenaraikan dalam Seksyen A1b (lihat halaman 11 - 12) dan B1b (lihat halaman 16 - 18).
*This section lists down circumstances under which this **Certificate** does not provide cover at the time of happening of the **Incident**. This is in addition to those already listed in Sections A1b (see pages 11 - 12) and B1b (see pages 16 - 18).*

**1. Pemandu Tanpa Lesen /** ***Unlicensed Drivers***
**Sijil** ini tidak memberi perlindungan jika **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan** tidak mempunyai lesen yang sah untuk memandu **Kereta Anda**. Pengecualian ini tidak dikuat kuasakan sekiranya **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan** memiliki lesen yang telah tamat tempoh tetapi tidak hilang kelayakan memiliki atau memperolehi lesen memandu di bawah undang-undang, undang-undang kecil atau peraturan yang ada / *There is no cover under this **Certificate** if **You** or **Your Authorised Driver** do not have a valid driving licence to drive **Your Car**. This will not apply if **You** or **Your Authorised Driver** have an expired licence but are not disqualified from holding or obtaining such driving licence under any existing laws, by-laws and regulations.*

**2. Arak, Dadah dan Bahan-bahan Lain yang Memabukkan / *Alcohol, Drugs and Other Intoxicating Substances***

**Sijil** ini tidak memberi perlindungan jika **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan** memandu di bawah pengaruh minuman keras atau arak yang memabukkan, narkotik, dadah berbahaya atau dadah-dadah lain yang memudaratkan atau bahan yang memabukkan sehingga **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan** tidak dapat mengawal **Kereta Anda** dengan baik / *There is no cover under this **Certificate** if **You** or **Your Authorised Driver** is under the influence of alcohol or intoxicating liquor, narcotics, dangerous drugs or any other deleterious drugs or intoxicating substance to such an extent that **You** or **Your Authorised Driver** are incapable of having proper control of **Your Car**.*

> **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan** akan dianggap tidak dapat mengawal **Kereta Anda** dengan sewajarnya jika selepas toksikologi atau ujian setara dengannya, ia menunjukkan bahawa tahap alkohol di dalam nafas, darah atau air kencing **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan** lebih tinggi daripada had yang ditetapkan menurut Seksyen 45G (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 daripada 80mg alkohol di dalam 100ml darah (atau setara bagi nafas atau air kencing) atau apa sahaja undang-undang yang sedang berkuat kuasa pada masa itu.
> ***You** or **Your Authorised Driver** shall be deemed as incapable of having proper control of **Your Car** if after a toxicology or equivalent test, it is shown that the alcohol level in the breath, blood or urine of **You** or **Your Authorised Driver** is higher than the prescribed limit pursuant to Section 45G(1) of the Road Transport Act 1987 of 80mg of alcohol in 100ml of blood (or equivalent in respect of breath or urine) or other equivalent legislation that is in force at the material time.*

**3. Tuntutan Palsu dan Melampau / *Fraud and Exaggerated Claims***

Mana-mana tuntutan palsu atau yang sengaja dilebih-lebihkan secara menipu, atau jika **Anda** atau sesiapa yang bertindak bagi pihak **Anda**, menggunakan cara palsu bagi mendapat sebarang manfaat di bawah **Sijil** ini, keseluruhan tuntutan tidak akan dibayar atau berbayar. Jika **Kami** terpaksa juga membuat bayaran bagi sebarang tuntutan kepada pihak ketiga, **Kami** berhak menuntut kembali jumlah yang telah dibayar dan apa-apa kos yang ditanggung daripada **Anda /** *If any claim is in any part fraudulent or exaggerated, or if **You** or anyone acting on **Your** behalf, uses fraudulent means to get any benefit under this **Certificate**, the entire claim will not be made or payable. If **We** are required to make payment of any such claim to a third party, **We** shall be entitled to recover the sum made and any costs incurred from **You**.*

**4. Penggunaan Kereta secara Menyalahi Undang-undang / *Unlawful Purpose***

**Sijil** ini tidak memberi perlindungan jika **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan** menggunakan **Kereta Anda** untuk tujuan yang menyalahi undang-undang atau cuba menyalahi undang-undang, iaitu, melanggar undang-undang jenayah atau undang-undang yang diiktiraf oleh negara di mana **Kereta Anda** digunakan / *There is no cover under this **Certificate** if **You** or **Your Authorised Driver** use **Your Car** for an unlawful purpose or to attempt an unlawful purpose i.e. in violation of the criminal law or a recognised law of the country where **Your Car** was being used.*

**5. Penggunaan Kereta untuk Berlumba dsb. / *Use for Racing etc.***

**Sijil** ini tidak memberi perlindungan jika **Anda** menggunakan atau mengizinkan **Pemandu Dibenarkan** untuk menggunakan **Kereta Anda** / *There is no cover under this **Certificate** if **You** use or **You** allow **Your Authorised Driver** to use **Your Car**:*

- **a**. untuk berlatih atau untuk mengambil bahagian dalam mana-mana sukan bermotor, pertandingan (selain acara mencari harta karun) rali, perentak perlumbaan (pacemaking), ujian keandalan (reliability trial) atau ujian kelajuan; atau / *to practise for or to take part in any motor sport, competition (other than treasure hunt), rally, pacemaking, reliability trial or speed test; or*
- **b**. di mana-mana litar perlumbaan / *on any racetrack.*

> Dengan membayar caruman tambahan, **Sijil Anda** boleh diperluaskan untuk melindungi **Kereta Anda** bagi tujuan ujian keandalan atau pertandingan jika **Anda** menyertai perluasan perlindungan yang ditetapkan {**Endorsmen 24(c)** atau **24(d)**}.
> *For an additional contribution, **Your Certificate** can be extended to cover the use of **Your Car** for reliability trial or competition if **You** obtain the prescribed extension cover {**Endorsement 24(c) or 24(d)**}.*

**6. Penggunaan Kereta di Luar Malaysia / *Use Outside Malaysia***

Kecuali **Kami** setuju sebaliknya, Takaful ini tidak melindungi **Anda** terhadap tuntutan yang timbul semasa **Kereta Anda** digunakan atau dipandu di luar Malaysia, Republik Singapura dan Negara Brunei Darussalam. Tanggungan **Kami** di bawah **Sijil** ini di Malaysia tertakluk pada Akta Pengangkutan Jalan 1987 serta terma dan syarat **Sijil** ini dan tanggungan **Kami** di luar Malaysia adalah tertakluk pada terma dan syarat **Sijil** ini sahaja .

*Unless **We** provide otherwise, this Takaful does not cover **You** in respect of claims arising whilst **Your Car** was being used or driven outside Malaysia, the Republic of Singapore and Negara Brunei Darussalam. In Malaysia, **Our** liability under this **Certificate** is governed by the Road Transport Act 1987 and the terms and conditions of this **Certificate**, and **Our** liability outside Malaysia is governed by the terms and conditions of this **Certificate** only.*

> Dengan membayar caruman tambahan, **Sijil Anda** boleh diperluaskan untuk melindungi penggunaan **Kereta Anda** di Thailand atau Kalimantan sahaja jika **Anda** menyertai perluasan perlindungan yang ditetapkan. (**Endorsmen 101** dan **102**).
> *For an additional contribution, **Your Certificate** can be extended to cover the use of **Your Car** in Thailand or Kalimantan only if **You** participate the prescribed extension cover (**Endorsements 101** and **102**).*

**7. Gagal mengambil Langkah-langkah Pencegahan / *Failure to take Precaution***

Sebarang bayaran tambahan tidak akan dibayar jika selepas suatu **Kejadian** atau kerosakan, **Anda** :
*Additional damages will not be made if after an **incident** or breakdown **You**:*

- **a.** membiarkan **Kereta Anda** tanpa dijaga atau gagal mengambil langkah wajar untuk mencegah kerugian atau kerosakan tambahan; atau / l*eft **Your Car** unattended or failed to take proper precaution to prevent further loss or damage; or*
- **b.** terus memandu **Kereta Anda** dalam keadaan ia tidak wajar digunakan sebelum melakukan sebarang pembaikan / *continue to drive **Your Car** in an unroadworthy condition before any repair is done.*

Mana-mana tuntutan yang timbul tidak akan dibayar jika semasa menggunakan **Kereta Anda**, **Anda** tidak mengambil tindakan munasabah bagi memastikan **Kereta Anda** selamat. Ini termasuk tetapi tidak terhad kepada membiarkan **Kereta Anda** tanpa pengawasan semasa tidak dikunci atau dengan kuncinya berada di dalam atau di atas **Kereta Anda** / *Claims that arise will not be made if, when using **Your Car**, **You** do not take reasonable precaution to keep **Your Car** secured. This includes but is not limited to leaving **Your Car** unattended while unlocked or with ignition key left in or on **Your Car**.*

***8.* Risiko Peperangan / *War Risk***

**Sijil** ini tidak memberi perlindungan bagi apa-apa kerugian atau liabiliti (termasuk kos membela sebarang tindakan) dalam apa juga cara, sama ada secara langsung atau tidak langsung, yang berkaitan dengan:
*There is no cover under this **Certificate** for any loss or liability (including any cost of defending any action) connected in any way directly or indirectly to:*

- **a.** peperangan, penaklukan, tindakan musuh luar negara, permusuhan atau operasi seakan-akan peperangan (sama ada peperangan diisytiharkan ataupun tidak) perang saudara, **Tindakan Keganasan**, dahagi, pemberontakan atau revolusi; atau / *war, invasion, acts of foreign enemies, hostilities or warlike operation (whether war is declared or not), civil war, **Act of Terrorism**, mutiny, rebellion or revolution; or*
- **b.** mogok, rusuhan atau kekacauan awam yang meningkat hingga boleh dikatakan sebagai suatu pemberontakan atau revolusi atau rampasan kuasa tentera / *strike, riots or civil commotion assuming the proportion of or amounting to an uprising, insurrection or military or usurped power.*

> Dengan membayar caruman tambahan, **Sijil Anda** boleh diperluaskan untuk melindungi mogok, rusuhan dan kekacauan awam (**Endorsmen 25**).
> *For an additional contribution, **Your Certificate** can be extended to cover strikes, riots and civil commotion (**Endorsement 25**).*

***9.* Risiko Nuklear / *Nuclear Risk***

**Sijil** ini tidak memberi perlindungan bagi apa-apa kemalangan, kerugian atau kerosakan terhadap sebarang harta atau sebarang kerugian atau liabiliti berpunca dari (termasuk kerugian turutan serta kos untuk membela sebarang tindakan) yang berkaitan dalam apa juga cara dengan pengendalian yang menggunakan pembelahan nuklear atau proses gabungan, atau semasa mengendalikan bahan radioaktif. Ini termasuk, tetapi tidak terbatas kepada:
*There is no cover under this **Certificate** for any accident, loss or damage to any property or any loss or liability arising therefrom (including consequential losses and costs of defending any actions) connected in any way with operations using the nuclear fission or fusion process, or handling of radioactive material. This includes, but is not limited to:*

- **a.** penggunaan reaktor nuklear seperti longgokan atom, pemecut zarah atau generator dan alat-alat yang serupa dengannya / *the use of nuclear reactors such as atomic piles, particle accelerators or generators and similar devices;*
- **b.** penggunaan, pengendalian atau pengangkutan bahan radioaktif yang berkaitan dengan sebarang **Tindakan Keganasan** / *the use, handling or transportation of radioactive material in relation to any **Act of Terrorism**;*
- **c.** penggunaan, pengendalian atau pengangkutan apa-apa senjata atau alat letupan yang menggunakan pembelahan nuklear atau proses gabungan; atau / *the use, handling or transportation of any weapon or explosive device employing nuclear fission or fusion; or*
- **d.** penggunaan, pengendalian atau pengangkutan bahan radioaktif / *the use, handling or transportation of radioactive material.*

**10. Malapetaka Alam / *Convulsions of Nature***

**Sijil** ini tidak memberi perlindungan (kecuali ia disertai secara khusus) bagi sebarang kerugian, kerosakan atau liabiliti akibat banjir, taufan, hurikan, ribut, ribut kencang, letusan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh, gelinciran tanah, penurunan atau penenggelaman tanah/bumi atau malapetaka alam yang lain.
*There is no cover (unless specifically participated) for any loss, damage or liability caused by flood, typhoon, hurricane, storm, tempest, volcanic eruption, earthquake, landslide, landslip, subsidence or sinking of the soil/earth or other convulsions of nature.*

> Dengan membayar caruman tambahan, **Sijil Anda** boleh diperluaskan untuk melindungi banjir, taufan, hurikan, ribut, ribut kencang, letusan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh, gelinciran tanah, penurunan atau penenggelaman tanah dsb. (**Endorsmen 57).**
> *For an additional contribution, **Your Certificate** can be extended to cover flood, typhoon, hurricane, storm, tempest volcanic eruption, earthquake, landslide, landslip, subsidence etc. (**Endorsement 57**).*

***11.*** **Liabiliti Berkontrak / *Contractual Liability***
Tiada sebarang bayaran bagi apa-apa liabiliti yang berbangkit daripada sesuatu perjanjian, jika tanpa perjanjian tersebut **Kami** tidak bertanggungjawab / *Any liability that arises by virtue of an agreement will not be made by virtue of agreement but for which **We** would not have been liable in the absence of such agreement.*

***12.*** **Pemandu Tidak Dibenarkan / *Unauthorised Driver***
Berkenaan dengan gantirugi yang diperuntukkan di dalam **Sijil** ini, tiada sebarang bayaran bagi mana-mana **Kejadian**, kerugian, kerosakan atau liabiliti yang disebabkan atau berpunca semasa **Kereta Anda** dipandu oleh mana-mana orang selain daripada **Pemandu Dibenarkan** atau orang yang memandu atas arahan atau dengan kebenaran **Anda** / *Any **Incident**, loss, damage or liability caused, sustained or incurred whilst **Your Car** will not be made, in respect of which indemnity is provided by this **Certificate**, is being driven by any person other than an **Authorised Driver** or person driving on **Your** order or with **Your** permission.*

## Seksyen E: Syarat – Ini diguna pakai bagi keseluruhan Sijil / *Section E : Conditions - These apply to the whole Certificate*

Seksyen ini menjelaskan terma dan syarat yang mesti **Anda** patuhi bagi memastikan Takaful ini terus berkuat kuasa. Pada dasarnya syarat-syarat ini ada tiga jenis / *This section spells out the terms and conditions that **You** must observe to ensure this Takaful remains effective. Basically these conditions are of three types:*

- Apa yang **Anda** mesti lakukan / *What **You** must do*
- Apa yang **Anda** tidak boleh lakukan / *What **You** must not do*
- Apa yang **Kami** boleh lakukan / *What **We** can do*

**Prasyarat Terdahulu terhadap Liabiliti Sijil / *Conditions Precedent to Certificate Liability***
Syarat-syarat berikut merupakan prasyarat bagi **Kami** bertanggungjawab melindungi **Anda** di bawah **Sijil** ini dan **Anda** hendaklah benar-benar mematuhinya.. **Kam**i berhak menolak **Sijil** ini dan/atau tidak akan membayar mana-mana tuntutan di bawah **Sijil** ini jika **Anda** melanggar mana-mana syarat. **Pemandu Dibenarkan** dan mana-mana wakil yang sah dari segi undang-undang yang mahu mendapat gantirugi di bawah **Sijil** ini turut tertakluk kepada syarat-syarat yang sama.
*The following conditions are conditions precedent to **Our** liability to make **You** any indemnity under this **Certificate** and have to be observed by **You** strictly. **We** can repudiate this **Certificate** and/or will not make claims under the **Certificate** if **You** breach any of the relevant conditions. These conditions also apply to **Your Authorised Driver** and any legal representative who seek indemnity under this **Certificate**.*

***1. Kewajipan Pendedahan / Duty of Disclosure***
Kewajipan pendedahan ini adalah berlainan untuk Kontrak Takaful Pengguna dan untuk Kontrak Takaful Komersial. Kedua-duanya dinyatakan berasingan seperti di bawah:
*The duty of disclosure is different for a Consumer Takaful Contract and for a Non-Consumer Takaful Contract. They are separately outlined below:*

### A.Kontrak Takaful Pengguna / *Consumer Takaful Contract*

Jika Takaful yang **Anda** pohon ini tidak berkaitan sama sekali dengan perdagangan, perniagaan atau profesion **Anda**, **Anda** berkewajipan mengambil langkah yang munasabah untuk tidak membuat salah nyataan semasa menjawab apa-apa soalan dalam Borang Cadangan (atau semasa **Anda** membuat permohonan Takaful ini) iaitu, **Anda** sepatutnya menjawab semua soalan dengan tepat dan sepenuhnya. Kegagalan mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab apa-apa soalan boleh menyebabkan **Kami** mengelak kontrak Takaful, menolak atau mengurangkan tuntutan **Anda**, menukar terma atau menamatkan kontrak Takaful **Anda** mengikut remedi-remedi yang diperuntukkan di bawah remedi dari Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. **Anda** juga dikehendaki mendedahkan lain-lain perkara yang **Anda** tahu sebagai berkaitan kepada keputusan **Kami** sama ada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma yang hendak dipakai.
*Where **You** have applied for this Takaful wholly for purposes unrelated to **Your** trade, business or profession, **You** had a duty to take reasonable care not to make a misrepresentation in answering the questions in the Proposal Form (or when **You** applied for this Takaful) i.e. **You** should have answered the questions fully and accurately. Failure to have taken reasonable care in answering the questions may result in avoidance of **Your** contract of Takaful, refusal or reduction of **Your** claim(s), change of terms or termination of **Your** contract of Takaful in accordance with remedies of Schedule 9 of the Islamic Financial Services Act 2013. **You** were also required to disclose any other matter that **You** knew to be relevant to **Our** decision in accepting the risks and determining the rates and terms to be applied.*

**Anda** juga bertanggungjawab memberitahu **Kami** serta merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak Takaful **Anda** berkuat kuasa, semasa memohon dengan **Kami** untuk membuat perubahan atau memperbaharui, apa-apa maklumat yang diberi di dalam Borang Cadangan (atau semasa **Anda** membuat permohonan Takaful ini) tidak tepat atau telah berubah.
***You** also have a duty to tell **Us** immediately if at any time after **Your** contract of Takaful has been entered into, varied or renewed with **Us**, any of the information given in the Proposal Form (or when **You** applied for this Takaful) is inaccurate or has changed.*

**B. Kontrak Takaful Komersial / *Non-Consumer Takaful Contract***

Jika Takaful yang **Anda** pohon ini berkaitan sepenuhnya dengan perdagangan, perniagaan atau profesion **Anda**, **Anda** bertanggungjawab mendedahkan apa-apa perkara yang **Anda** tahu sebagai berkaitan kepada keputusan **Kami** sama ada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma yang hendak dipakai serta apa-apa perkara seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangkakan tahu sebagai berkaitan, kegagalan membuat demikian boleh menyebabkan **Kami** mengelak kontrak Takaful, menolak atau mengurangkan tuntutan **Anda**, menukar terma atau menamatkan kontrak Takaful **Anda**.
*Where **You** have applied for this Takaful for purposes related to **Your** trade, business or profession, **You** had a duty to disclose any matter that **You** know to be relevant to **Our** decision in accepting the risks and determining the rates and terms to be applied, and any matter a reasonable person in the circumstances could be expected to know to be relevant, otherwise it may result in avoidance of **Your** contract of Takaful, refusal or reduction of **Your** claim(s), change of terms or termination of **Your** contract of Takaful.*

**Anda** juga bertanggungjawab memberitahu **Kami** serta merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak Takaful **Anda** berkuat kuasa, semasa memohon dengan **Kami** untuk membuat perubahan atau memperbaharui apa-apa maklumat yang diberi di dalam Borang Cadangan (atau semasa **Anda** membuat permohonan Takaful ini) tidak tepat atau telah berubah.
***You** also have a duty to tell **Us** immediately if at any time after **Your** contract of Takaful has been entered into, varied or renewed with **Us**, any of the information given in the Proposal Form (or when **You** applied for this Takaful) is inaccurate or has changed.*

Sekiranya **Anda** memberi gambaran yang salah kepada **Kami** sebelum sijil mula berkuatkuasa, sebagai contoh tindakan yang mungkin akan diambil oleh pihak **Kami** terhadap **Anda** adalah termasuk seperti yang berikut / *If **You** misrepresented any facts to **Us** before the certificate is entered into, examples of the actions that may be taken by **Us** against **You** include the following:*

- mengisytiharkan Sijil **Anda** tidak sah dari permulaan (yang bermaksud menganggapnya sebagai tidak sah), dan **Kami** tidak akan mengembalikan sebarang caruman / *declare **Your** certificate void from inception (which means treating it as invalid), and **We** may not return any contribution;*
- membatalkan sijil ini dan mengembalikan sebarang caruman ditolak Caj pembatalan atau melindungi sebarang caruman yang belum dibayar / *cancel this certificate and return any contribution less **Our** cancellation charge or recover any unmade contribution;*
- membuang satu atau lebih penama dari sijil anda dan menyesuaikan caruman anda dengan sewajarnya */ remove one or more named drivers from **Your** certificate and adjust **Your** contribution accordingly;*
- memulihkan apa-apa kekurangan dalam caruman / *recover any shortfall in contribution;*
- tidak membayar apa-apa tuntutan yang telah atau akan dibuat di terhadap sijil; atau */ not make any claim that has been or will be made under the certificate; or*
- berhak untuk mengenakan sejumlah tuntutan yang telah dibayar di bawah sijil kepada **Anda** atau apa-apa tuntutan yang perlu **Kami** bayar kerana mana-mana undang-undang lalu lintas yang berkaitan, termasuk apa-apa kos yang dilindungi / *be entitled to recover from **You** the total amount of any claim already made under the certificate or any claim **we** have to make because of any relevant road traffic legislation, plus any recovery cost.*

***2 . Kemalangan dan Prosedur Tuntutan / Accidents and Claims Procedures***

Jika **Kereta Anda** terlibat dalam sebarang **Kejadian** yang memungkinkan tuntutan dibuat terhadap **Sijil** ini **Anda** mesti melakukan perkara berikut:
*If **Your Car** is involved in any **Incident** that could lead to a claim under this **Certificate**, **You** must do* the following:

**a.** Laporkan kepada jabatan tuntutan **Kami** tentang **Kejadian** itu dan dapatkan Borang Tuntutan. **Anda** mesti laporkan **Kejadian** tersebut kepada **Kami** dengan secepat mungkin dan apa pun mestilah:
*Notify **Our** claims department of the **Incident** and get a Claim Form. **You** must notify **Us** of the **Incident** as soon as possible but in any event:*

- Dalam tempoh tujuh (7) hari jika **Anda** tidak hilang upaya dari segi fizikal atau tidak dimasukkan ke hospital akibat **Kejadian** itu; atau / *Within seven (7) days if **You** are not physically disabled or hospitalised following the **Incident**; or*
- Dalam tempoh tiga puluh (30) hari atau secepat yang boleh dilakukan jika **Anda** hilang upaya dan dimasukkan ke hospital akibat **Kejadian** itu / *Within thirty (30) days or as soon as practicable if **You** are physically disabled and hospitalised as a result of the **Incident**.*

**Kami** boleh membenarkan tempoh pemberitahuan yang lebih lama jika **Anda** dapat memberikan bukti khusus serta justifikasi bagi kelewatan tersebut.
***We** may allow a longer notification period if **You** can provide specific proof and justification for the delay.*

**b.** Laporkan **Kejadian** kepada polis seperti yang dikehendaki undang-undang dan lakukan segala yang diperlukan bagi membantu pihak polis memastikan pihak bersalah dijatuhkan hukuman.
*Report the **Incident** to the police as required by law and do all that is required to assist the police authorities to secure a conviction against the offender.*

**c.** Lengkapkan Borang Tuntutan sepenuhnya dan kembalikannya kepada **Kami** dalam masa dua puluh satu (21) hari dari tarikh pemberitahuan **Anda** seperti perenggan (a) di atas. **Anda** dikehendaki memberi jawapan terperinci terhadap semua soalan pada bahagian berkenaan dan **Anda** juga mesti kemukakan segala dokumen yang **Kami** perlukan bagi menyokong tuntutan **Anda**. **Kami** tidak bertanggungjawab jika **Anda** lewat menyerahkan Borang Tuntutan yang siap dilengkapkan bersama-sama kesemua dokumen yang diperlukan.

*Complete the Claim Form in full and return it to **Us** within twenty-one (21) days from the date of **Your** notification as per (a) above. **You** are required to answer all the questions in detail in all applicable sections and provide **Us** with all the necessary documents to support **Your** claim. **We** will not be held responsible if there is any delay on **Your** part to submit the Claim Form duly completed together with all the necessary documents.*

**Kami** mungkin membenarkan tempoh penyerahan tuntutan yang lebih panjang tertakluk kepada bukti khusus dan justifikasi yang **Anda** berikan.
*A longer claims submission period may be allowed by **Us** subject to specific proof and justification by **You** for the delay.*

**d.** Jika **Anda** menerima sebarang tuntutan daripada pihak ketiga, **Anda** mesti memberitahu **Kami** tentangnya dengan serta-merta dan **Anda** mesti menghantar kepada **Kami** apa-apa amaran tuntutan, notis pendakwaan atau inkues yang akan berlaku, saman, writ atau sebarang surat daripada peguam pihak ketiga sebaik sahaja **Anda** menerima dokumen-dokumen tersebut, namun apa pun mestilah dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh penerimaan dokumen berkenaan.
*If there are any claims made against **You** by a third party, **You** must immediately notify **Us** of the same and **You** must send to **Us** any notification of claim, notice of impending prosecution or inquest, summons, writ or any letters from the solicitors of the third party as soon as **You** receive such documents, but in any event within fourteen (14) days from the date of receipt of any of the documents.*

**e.** Hantar **Kereta Anda** ke mana-mana **Bengkel** yang **Kami** luluskan supaya **Kami** dapat memeriksa **Kereta Anda** sebelum memberi kelulusan untuk membaikinya atau ambil tindakan munasabah bagi mengawal **Kereta Anda** dari kerugian atau kerosakan tambahan. **Kami** boleh menolak sebarang tuntutan di bawah Seksyen A **Sijil** ini jika **Anda** melanggar syarat ini.

*Send **Your Car** to any of **Our** approved **Repairer** so that **We** can inspect **Your Car** before **We** give approval to proceed with repairs or take reasonable action to safeguard **Your Car** from further loss or damage. **We** can refuse to make any claim under Section A of this **Certificate** if **You** breach this condition.*

**f.** **Anda** mesti mendapat persetujuan **Kami** secara bertulis sebelum **Anda** membaiki **Kereta Anda** atau membelanjakan wang berkaitan dengan apa-apa tuntutan di bawah **Sijil** ini.
*__You__ must obtain __Our__ consent in writing before __You__ repair __Your Car__ or incur any expenses in connection with a claim under this __Certificate__.*

**Anda** dilarang mengambil tindakan-tindakan seperti berikut / ***You** must not do any of the following:*

- Mengaku bertanggungjawab bagi sebarang **Kejadian**; atau
  *Admit any responsibility for any **Incident**; or*

- Berunding atau menyelesaikan sebarang tuntutan yang dibuat terhadap **Anda** oleh pihak ketiga, kecuali **Kami** memberi kelulusan bertulis bahawa **Anda** boleh lakukan begitu.
  *Negotiate or settle any claims made against **You** by a third party, unless **We** write and inform **You** that **You** can.*

**Kami** berhak memutuskan sama ada untuk berunding, membela atau menyelesaikan sebarang tuntutan yang dibuat terhadap **Anda** oleh pihak ketiga, di atas nama **Anda,** nama **Pemandu Dibenarkan** dan/atau bagi pihak **Anda**. Jika pada hemat **Kami** tuntutan pihak ketiga yang dibuat terhadap **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan** bagi kerosakan harta akan melebihi had liabiliti sebanyak RM3 juta, amaun penuh liabiliti **Kami** kepada **Anda** atau pihak ketiga akan dibayar dan tanggungjawab pembelaan, penyelesaian atau prosiding seterusnya akan diserahkan sepenuhnya kepada **Anda**. Selepas berbuat demikian **Kami** tidak lagi bertanggungjawab di bawah **Sijil** ini untuk membuat apa-apa bayaran lagi kepada **Anda** atau mana-mana pihak yang menuntut atau mana-mana orang yang berkaitan dengan **Kejadia**n yang sama.
*__We__ will decide whether to negotiate, defend or settle, in __Your__ name, __Your Authorised Driver's__ name and/or on __Your__ behalf, any claims made against __You__ or __Your Authorised Driver__ by a third party. If in __Our__ assessment the third party claim made against __You__ or __Your Authorised Driver__ for property damage will exceed the limit of liability of RM3 million, the full amount of __Our__ liability will be made to __You__ or the third party and hand over the further conduct of any defence, settlement or proceeding to __You__ completely. After doing so __We__ will not be liable under this __Certificate__ to make any more payments to __You__ or any claimant or any other person arising from the same __Incident__.*

> Syarat-syarat di atas juga dikenakan ke atas sesiapa sahaja yang ingin membuat tuntutan di bawah terma dan syarat **Sijil** ini. “Sesiapa sahaja” termasuk juga mana-mana wakil yang sah dari segi undang-undang atau pentadbir harta pusaka peserta.
> *The conditions above also apply to anyone else who wishes to claim under the terms and conditions of this **Certificate**. “Anyone else” may refer to personal representative or administrator/estate of the participant.*

**3 . Pembatalan / *Cancellation***
Kedua-dua belah pihak boleh membatalkan **Sijil** ini pada bila-bila masa dalam **Tempoh Perlindungan Takaful**:
*Either **You** or **We** may cancel this **Certificate** at any time during the **Period of Takaful**:*

**a.** Pembatalan oleh **Anda** / Cancellation by **You**:

- **Anda** boleh membatalkan **Sijil** ini pada bila-bila masa dengan mengembalikan **Salinan Asal Sijil Takaful** kepada **Kami** atau, jika **CT** itu telah hilang atau musnah, **Anda** mesti kemukakan kepada **Kami** Akuan Berkanun yang telah diperakui dengan sewajarnya untuk mengesahkan hal ini.

***You** can cancel this **Certificate** at any time by returning the **Original Certificate of Takaful** to **Us** or, if the **CT** has been lost or destroyed, **You** must provide **Us** with a duly certified Statutory Declaration to confirm this.*

- Selepas mengembalikan **CT** atau SD **Anda** layak mendapat bayaran balik sebahagian caruman sekiranya tiada tuntutan dibuat sebelum pembatalan. Bahagian yang akan dikembalikan kepada **Anda** adalah perbezaan antara caruman penuh dan kadar jangka pendek biasa **Kami** yang dikira bagi tempoh **Kami** mula menanggung risiko hingga tarikh **Kami** menerima **Sijil CT** atau SD:
*After returning the **CT** or SD **You** will be entitled to a return of contribution if no claim was incurred prior to cancellation. **Your** return will be the difference between the total contribution and **Our** customary short-period rates calculated for the time **We** were on risk until the date **We** received the **CT** or SD:*

| **Tempoh Perlindungan Takaful**<br>***Period of Takaful*** | **Kadar Bayaran Balik Caruman/**<br>***Return of Contribution*** |
|---|---|
| Tidak melebihi 1 minggu<br>*Not exceeding 1 week* | 87.5 % daripada caruman tahunan<br>*87.5% of the total contribution* |
| Tidak melebihi 1 bulan<br>*Not exceeding 1 month* | 75.0 % daripada caruman tahunan<br>*75.0% of the total contribution* |
| Tidak melebihi 2 bulan<br>*Not exceeding 2 months* | 62.5 % daripada caruman tahunan<br>*62.5% of the total contribution* |
| Tidak melebihi 3 bulan<br>*Not exceeding 3 months* | 50.0 % daripada caruman tahunan<br>*50.0% of the total contribution* |
| Tidak melebihi 4 bulan<br>*Not exceeding 4 months* | 37.5 % daripada caruman tahunan<br>*37.5% of the total contribution* |
| Tidak melebihi 6 bulan<br>*Not exceeding 6 months* | 25.0 % daripada caruman tahunan<br>*25.0% of the total contribution* |
| Tidak melebihi 8 bulan<br>*Not exceeding 8 months* | 12.5 % daripada caruman tahunan<br>*12.5% of the total contribution* |
| Melebihi 8 bulan<br>*Exceeding 8 months* | Bayaran balik caruman tidak dibenarkan<br>*No return of contribution allowed* |

- **Sijil** ini akan luput secara automatik sebaik sahaja **Anda** menjual atau melupuskan **Kereta Anda** kerana kepentingan boleh Takaful **Anda** untuk **Kereta** itu akan tamat. Jika **Anda** mahu memindahkan **Sijil** ini kepada peserta yang baharu, **Anda** mesti mendapat persetujuan **Kami** terlebih dahulu.
*The **Certificate** will automatically lapse once **You** sell or dispose off **Your Car** because **Your** permissible Takaful interest in the **Car** will cease. If **You** want to transfer the **Certificate** to the new buyer, **You** have to get **Our** prior consent.*

**b.** Pembatalan oleh **Kami** / *Cancellation by **Us**:*

- **Kami** boleh juga membatalkan **Sijil** ini dengan alasan yang sewajarnya, dengan memberi **Anda** notis empat belas (14) hari secara bertulis melalui surat berdaftar kepada alamat terakhir **Anda** yang **Kami** tahu.
***We** may also cancel this **Certificate** with a valid reason, by giving **You** fourteen (14) days notice in writing by registered post to **Your** last address known to **Us**.*
- Selepas mengembalikan **Sijil Takaful** atau Akuan Berdaftar **Anda** layak mendapat bayaran balik caruman bagi baki tempoh yang tidak diberi perlindungan dikira secara pro rata dari tarikh **Kami** menerima **Sijil Takaful** atau SD daripada **Anda** hingga ke tarikh luput **Sijil**.
*After returning the **CT** or SD **You** will be entitled to a return contribution for the unexpired period calculated on a pro-rata basis from the date **We** receive the **CT** or SD from **You** to the expiry date of the **Certificate**.*

Tidak ada bayaran balik caruman bagi sebarang pembatalan **Sijil** (sama ada oleh **Anda** atau **Kami**) sekiranya **Anda** telah membayar **Caruman Minimum** sahaja atau jika sesuatu tuntutan telah dibuat terhadap **Sijil** ini.
*There will not be any return of contribution for any cancellation of **Certificate** (either by **You** or by **Us**) if **You** have made the **Minimum Contribution** only or if a claim has been made on this **Certificate**.*

**4. Jika terdapat Lebih Dari Satu Takaful yang Melindungi Kereta yang Sama / *If there is More Than One Takaful Covering the Same Car***

**a.** **Anda** mesti memberitahu **Kami** secara bertulis jika mempunyai lain-lain Takaful yang turut melindungi **Kereta Anda** dalam **Tempoh Perlindungan Takaful** / ***You** must inform **Us** in writing if **You** have taken out any other Takaful in respect of **Your Car** during the **Period of Takaful**.*

**b.** Jika sesuatu tuntutan dibuat di bawah **Sijil** ini dan kerugian tersebut juga dilindungi oleh sijil Takaful lain yang **Anda** ambil, **Kami** akan hanya membayar bahagian **Kami** mengikut nisbah pro-rata dari kerugian sepenuhnya. Adalah bukan tanggungjawab **Kami** untuk membayar dahulu keseluruhan tuntutan itu dan kemudian menuntut balik bahagian syarikat Takaful yang turut bertanggungjawab bagi kerugian tersebut / If a claim arises under this ***Certificate** and such a loss is also claimable under the other Takaful certificate(s) taken by **You**, **We** will only contribute **Our** rateable proportion of the whole loss. **We** will not be liable to make the claim first and then seek recovery from the other co-Takaful operators who is/are also liable for the* loss.
Klausa ini tidak terpakai kepada Pengendorsan 200 - Asas Kemalangan Diri (klausa ini tidak diperlukan sebagai 5 Syarat yang

berkaitan dengan "Kereta")*/ This clause is not applicable to Endorsement 200 – Personal Accident Basic (this clause is not required here as Condition 5 relates to "The Car")*

***5.*** **Subrogasi /** ***Subrogation***

**Kami** berhak mengambil alih kesemua hak dan remedi yang **Anda** ada terhadap mana-mana pihak ketiga yang menyebabkan kerugian yang dilindungi di bawah **Sijil** ini. **Kami** mempunyai budi bicara mutlak dalam mengendalikan prosiding terhadap pihak ketiga dalam urusan tuntutan tersebut dengan kos ini ditanggung **Kami** sendiri. **Anda** mesti memberi apa-apa maklumat dan kerjasama yang mungkin **Kami** perlu dari semasa ke semasa termasuklah menyerahkan kesemua hak untuk bertindak atas nama **Anda**. **Anda** mestilah memberi **Kami** kerjasama yang sepenuhnya untuk melindungi hak ini dan memberikan segala bantuan dan mengambil langkah-langkah sepertimana yang **Kami** perlukan.

***We*** *are entitled to take over all rights and remedies that* ***You*** *may have against any third party who caused the loss.* ***We*** *shall have the absolute discretion in the conduct of any proceedings, at* ***Our*** *own costs, against the third party and in the settlement of any such claim and* ***You*** *shall give* ***Us*** *such information and assistance as* ***We*** *may require from time to time including assigning all rights to take action in* ***Your*** *name.* ***You*** *must however give* ***Us Your*** *full cooperation to protect these rights and provide all assistance and take such steps as* ***We*** *require.*

***6.*** **Menyelesaikan Pertikaian /** ***Dispute Resolution***

Jika berlaku perselisihan atau pertikaian tentang sebarang perkara yang berkaitan dengan **Sijil** ini yang melibatkan amaun melebihi RM250,000, **Anda** dan **Kami** akan bersama melantik seorang Penimbang Tara secara bertulis untuk menyelesaikan perselisihan atau pertikaian ini. Jika **Anda** dan **Kami** tidak boleh bersetuju tentang siapakah yang akan menjadi Penimbang Tara dalam masa sebulan seperti yang dikehendaki, maka **Anda** dan **Kami** boleh masing-masing melantik seorang Penimbang Tara. Kedua-dua Penimbang Tara tersebut akan kemudian mendengar perselisihan dan pertikaian bersama dengan seorang Pengadil yang mereka lantik. Jika Penimbang Tara tidak bersetuju dalam pemilihan Pengadil dalam masa tiga puluh (30) hari, maka seorang Pengadil akan dilantik oleh "Asian International Arbitration Centre"*/ If there are differences or disputes on any matters relating to this* ***Certificate*** *involving amounts exceeding RM250,000, an Arbitrator shall be jointly appointed by* ***You*** *and* ***Us*** *in writing to resolve the differences or disputes. If no agreement is reached on who is to be the Arbitrator within one month of being required to do so then* ***You*** *and* ***We*** *shall be entitled to appoint an Arbitrator each. Both Arbitrators shall then proceed to hear the difference or dispute together with an Umpire to be jointly appointed by them. If the Arbitrators cannot agree on an Umpire within thirty (30) days, then the "Asian International Arbitration Centre"/ shall appoint an Umpire.*

Jika jumlah yang dipertikaikan adalah kurang daripada RM250,000 **Anda** boleh merujuk perkara ini kepada **Ombudsman Perkhidmatan Kewangan** untuk diselesaikan.

*If the disputed sum is less than RM250,000,* ***You*** *may refer the matter to the* ***Ombudsman for Financial Services*** *to resolve the dispute.*

***7 .*** **Hal-hal Lain /** ***Other Matters***

**Kami** hanya akan bertanggungjawab untuk menanggung rugi **Anda** di bawah **Sijil** ini jika **Anda:**

***We*** *will only be liable to make You any indemnity under this* ***Certificate*** *if* ***You****:*

**a.** Mematuhi semua terma dan syarat **Sijil** ini. **Pemandu Dibenarkan** dan mana-mana wakil sah **Anda** yang mahu perlindungan di bawah **Sijil** ini juga tertakluk kepada syarat-syarat ini;
*Comply with all the terms and conditions of this* ***Certificate****. These conditions are also applicable to* ***Your Authorised Driver*** *and any legal representative who seek assistance under this* ***Certificate****;*

**b.** Menyelenggara **Kereta Anda** secara munasabah agar kondisinya dan layak dipandu di jalan raya. **Anda** mesti memberitahu **Kami** jika **Anda** telah membuat sebarang pengubahsuaian yang akan menambah dalam apa juga cara yang akan memberikan kesan terhadap prestasi **Kereta Anda**;
*Maintain* ***Your Car*** *in a reasonably efficient and roadworthy condition.* ***You*** *must get* ***Our*** *consent if* ***You*** *make any modification that will enhance or in any way affect the performance of* ***Your Car****;*

**c.** Mengambil langkah yang munasabah untuk mengelak daripada sebarang keadaan yang boleh mengakibatkan berlakunya tuntutan. **Sijil** ini tidak akan melindungi **Anda** jika **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan** memandu secara melulu, iaitu, di mana **Anda** tahu adanya bahaya tetapi dengan sengaja tidak mengambil langkah-langkah mencegahnya. Ini termasuk dan tidak terhad kepada membiarkan **Kereta Anda** tanpa pengawasan semasa tidak dikunci atau dengan kuncinya berada di dalam atau di atas **Kereta Anda**.
*Take reasonable care to avoid any situation that could result in a claim. This* ***Certificate*** *will not cover* ***You*** *if* ***You*** *or* ***Your Authorised Driver*** *are reckless i.e. where* ***You*** *recognise a serious risk but deliberately do not take steps to prevent it. This includes but is not limited to leaving* ***Your Car*** *unattended while unlocked or with ignition keys left in or on* ***Your Car****; and*

**d.** **Anda** mesti membenarkan **Kami** memeriksa **Kereta Anda** pada bila-bila masa yang sesuai apabila diminta.
*Make* ***Your Car*** *available to* ***Us*** *for inspection at all reasonable times upon request.*

**8. Percanggahan Perkataan dalam Sijil /** ***Prevalent Certificate Wording***

Bagi mengelakkan kekeliruan, versi **Sijil** Bahasa Inggeris ini akan mengatasi versi Sijil Bahasa Malaysia (Melayu) pada setiap masa.
*For avoidance of doubt, the English version of this* ***Certificate*** *wording will prevail over the Bahasa Malaysia version at all times.*

## Seksyen F: Takrif perkataan yang ditandakan di dalam Sijil
## *Section F : Definitions of words highlighted in the Certificate*

Seksyen ini menerangkan apa yang **Kami** maksudkan dengan perkataan yang dicetak dalam huruf tebal dalam **Sijil** ini.
*This section explains what **We** mean by the words printed in bold in this **Certificate**.*
Di dalam **Sijil**, **Jadual** dan **Sijil Takaful** ini, perkataan-perkataan berikut mempunyai makna seperti yang ditakrifkan di bawah kecuali konteks sebaliknya diperlukan:
*In this **Certificate**, **Schedule** and **Certificate of Takaful**, unless the context otherwise requires, the following words shall have the meanings as defined below.:*

1. **Aksesori / *Accessories***
Ini merujuk kepada alat-alat standard **Kereta** yang telah dipasang di kilang, termasuk penyaman udara dan tayar ganti, dan juga termasuk radio/pemain kaset/pemain cakera padat dan seumpamanya jika dinyatakan di dalam **Jadual Sijil**.
*This refers to the standard factory-fitted tools of the **Car** including air-conditioners and spare tyres and may include radio/cassette player/compact disc player and the like if specified in the **Schedule**.*

2. **Tindakan Keganasan / *Act of Terrorism***
Ini merujuk kepada sesuatu tindakan oleh mana-mana orang atau kumpulan orang yang menggunakan kekerasan atau keganasan dan/atau ugutan kekerasan atau keganasan, sama ada bertindak secara sendirian atau bagi pihak orang lain atau berkaitan dengan mana-mana organisasi atau kerajaan dan dilakukan bagi tujuan atau sebab-sebab politik, agama, ideologi, bangsa atau bagi tujuan lain yang serupa, termasuklah niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau untuk membuat orang awam, atau mana-mana pihak awam, berada dalam ketakutan.
*This refers to an act by any person(s) or group that uses force or violence and/or the threat of force or violence, whether they are acting alone or on behalf of or in connection with any organisation(s) or government(s) and done for political, religious, ideological, ethnic or similar purposes or reasons, including the intention to influence any government and/or to put the public, or any section of the public, in fear.*

3. **Ajuster / *Adjuster***
Ini merujuk kepada orang atau entiti yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 yang **Kami** lantik untuk menyiasat sebab dan keadaan berlakunya kerugian dan untuk menentukan amaun kerugian.
*This refers to a person or entity registered under the Islamic Financial Services Act 2013 who is appointed by **Us** to investigate the cause and circumstances of a loss and to determine the amount of loss.*

4. **Pemandu Dibenarkan / *Authorised Driver***
Ini merujuk kepada sesiapa yang memandu **Kereta Anda** dengan kebenaran atau izin **Anda** dengan syarat dia mempunyai lesen memandu yang sah bagi jenis kenderaan yang berkaitan dan tidak hilang kelayakan untuk memandu dari segi undang-undang atau atas sebab-sebab lain.
*This refers to any person who drives **Your Car** with **Your** consent or permission provided he or she holds a valid driving licence of the relevant type and is not disqualified to drive by law or for any other reason.*

5. **Kereta / *Car***
Ini merujuk kepada kenderaan bermotor yang dinyatakan di dalam **Jadual Sijil** termasuk opsyen piawaian pengilang dan **Aksesori** yang dipasang kepadanya dan lain-lain yang bukan opsyen piawaian pengilang atau huraian yang tersenarai secara khusus di dalam **Jadual Sijil**.
*This refers to the motor vehicle described in the **Schedule** and includes the manufacturer's standard options and **Accessories** fitted to it and any other non-standard options or descriptions that are specifically listed in the **Schedule**.*

6. **Sijil Takaful / *Certificate of Takaful***
Sijil ini telah ditetapkan bentuknya di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 yang **Kami** dikehendaki memberikannya kepada **Anda** dan ia menggariskan syarat–syarat yang tertakluk kepada **Sijil** yang dikeluarkan.
*This certificate is a prescribed form that **We** are required to issue to **You** under the Road Transport Act 1987 and it outlines the particulars of any conditions subject to which the **Certificate** is issued.*

7. **Penipuan / *Cheating***
Ia merujuk kepada maksud yang ditakrifkan di bawah Seksyen 415 (Penal Code) seperti berikut:
*This follows the meaning as defined under Section 415 of the Penal Code which is as follows:*
Barang siapa dengan memperdayakan mana-mana orang, sama ada atau tidak perdayaan tersebut ialah dorongan tunggal atau utama:
*Whoever by deceiving any person, whether or not such deception was the sole or main inducement:*
    **a.** dengan fraud atau dengan curang mendorong orang yang diperdayakan demikian untuk menghantar apa-apa harta kepada mana-mana orang, atau bersetuju bahawa mana-mana orang boleh meyimpan apa-apa harta; atau
    *fraudulently or dishonestly induces the person so deceived to deliver any property to any person, or to consent that any person shall retain any property; or*
    **b.** dengan sengaja mendorong yang diperdayakan demikian membuat atau meninggalkan untuk membuat apa-apa yang orang itu tidak akan buat atau meninggalkan untuk dibuat jika ia tidak diperdayakan demikian dan tindakan atau peninggalan yang mana menyebabkan atau mungkin menyebabkan kerosakan atau mudarat kepada badan, ingatan, reputasi atau harta mana-mana orang, adalah dikatakan "menipu."
    *intentionally induces the person so deceived to do or omit to do anything which he would not do or omit to do if he were not so*

*deceived and which act or omission causes or is likely to cause damage or harm to any person in body, mind, reputation, or property, is said to "cheat".*

**8. Jenayah Pecah Amanah / *Criminal Breach of Trust***

Ia merujuk kepada maksud yang ditakrifkan di bawah Seksyen 405 (Penal Code) seperti berikut:
Barang siapa, yang dengan apa-apa cara telah diamanahkan dengan harta sama ada sendirian atau bersesama dengan mana-mana orang lain, atau dengan apa-apa kuasa atas harta, dengan curangnya menyalahgunakan, harta itu atau menjadikannya bagi kegunaannya sendiri, atau dengan curangnya menggunakan, atau melepaskan harta itu dengan melanggar apa-apa arahan undang-undang yang menetapkan cara bagaimana amanah itu kena disempurnakan, atau apa-apa kontrak di sisi undang-undang, yang nyata atau yang disifatkan ada, yang ia telah buat mengenai penyempurnaan amanah itu, atau dengan bersengaja membiarkan mana-mana orang lain berbuat demikian itu, adalah melakukan " Jenayah Pecah Amanah".
*This follows the meaning as defined under Section 405 of the Penal Code which is as follows:*
*Whoever, being in any manner entrusted with property, or with any dominion over property either solely or jointly with any other person, dishonestly misappropriates, or converts to his own use, that property, or dishonestly uses or disposes of that property in violation of any direction of law prescribing the mode in which such trust is to be discharged, or of any legal contract, express or implied, which he has made touching the discharge of such trust, or wilfully suffers any other person so to do, commits "criminal breach of trust".*

**9. Endorsmen / *Endorsement***

Ini merujuk kepada dokumen yang **Kami** keluarkan kepada **Anda** untuk mengesahkan sebarang perubahan atau perlindungan tambahan bagi **Sijil** asas.
*This refers to the document that **We** issue to **You** to confirm any changes or extensions of the coverage to the basic **Certificate.***

**10. Ekses / *Excess***

Ini merujuk kepada amaun pertama yang **Anda** terpaksa tanggung terlebih dahulu bagi setiap tuntutan. Amaun **Ekses** ini disebut dalam **Jadual Sijil**. **Anda** mesti menanggung **Ekses** tersebut tanpa mengira siapa yang bersalah pada **Kejadian** itu.
*This refers to the amount that must be borne by **You** first for each claim. The amount of the excess is shown in the **Schedule**. **You** have to make the excess irrespective of who is at fault in the **Incident**.*

**11. Ahli Keluarga / *Household***

Ini merujuk kepada semua ahli keluarga **Anda** atau ahli keluarga terdekat **Pemandu Dibenarkan** iaitu, suami/isteri, anak-anak termasuk anak angkat yang sah di sisi undang-undang, ibu bapa, dan adik-beradik yang tinggal di bawah satu bumbung dengan **Anda**, atau dengan **Pemandu Dibenarkan**.
*This refers to all members of **Your** or **Your Authorised Driver's** immediate family i.e. spouse, children including legally adopted children, parents, brother(s) and sister(s) staying under one roof with **You** in the case of **Your** immediate family, or with **Your Authorised Driver**, in the case of his immediate family.*

**12. Kejadian / I*ncident***

Sebarang peristiwa yang berlaku yang boleh menyebabkan tuntutan dibuat di bawah **Sijil** ini.
*Any event which could lead to a claim under this **Certificate**.*

**13. Had Penggunaan / *Limitations to Usage***

Mengikut **Sijil Takaful Anda**, **Kereta Anda** hanya boleh digunakan untuk "sosial, domestik dan bersukaria dan juga untuk urusan peserta". **Sijil Takaful** juga menyatakan bahawa "**Sijil** tidak melindungi penggunaannya bagi tujuan sewaan atau mengutip tambang, perlumbaan, perentak perlumbaan (*pacemaking*), ujian keandalan (*reliability trial*) atau ujian kelajuan cubaan, membawa barang yang berkaitan dengan sebarang urus niaga atau perniagaan selain sampel barang".
*According to **Your Certificate of Takaful (CT)**, **Your Car** can only be used for "Social, domestic and pleasure purposes and for the Participant's business". The **CT** also states that "The **Certificate** does not cover use for hire or reward, racing, pacemaking, reliability, trial speed-testing, the carriage of goods other than samples in connection with any trade or business".*

**14. Nilai Pasaran / *Market Value***

Ini merujuk kepada kos munasabah untuk membeli sebuah kereta lain yang sama buatannya, modelnya umurnya dan keadaan umumnya serupa dengan **Kereta Anda** semasa berlaku kerugian. **Nilai Pasaran Kereta Anda** pada masa kerugian akan ditentukan mengikut terma yang **Anda** telah pilih semasa **Anda** menyertai **Sijil** ini. Jika **Anda** telah memilih **Sistem Penilaian Pasaran** untuk menentukan **Amaun Dilindungi,** maka **Nilai Pasaran** akan ditentukan mengikut sistem penilaian seperti yang dihuraikan dalam fasal 15 di bawah. Walau bagaimanapun, jika **Anda** tidak memilih **Sistem Penilaian Pasaran** maka **Nilai Pasaran Kereta Anda** jika berlaku pertikaian akan ditentukan oleh Ibu Pejabat Pemegang Francais **Kereta** dan nilai ini mesti bersamaan dengan kos membeli kereta gantian yang sama buatannya, modelnya dan umurnya dengan **Kereta Anda** semasa berlakunya kerugian. Sekiranya penilaian ini tidak dapat diperolehi atau pada pendapat **Kami** terlalu rendah atau tinggi maka penilaian ini akan ditentukan oleh **Adjuster** yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, dipersetujui oleh **Anda** dan **Kami**.
*This refers to the reasonable cost to participate another car of the same make, model, age and general condition similar to **Your Car** at the time of loss. The **Market Value** of **Your Car** at the time of loss would be determined according to the terms of the option that **You** had chosen at the time **You** participated this **Certificate**. If **You** had opted for a **Market Valuation System** to determine **Your Sum Covered** then the **Market Value** would be based on that valuation system as described in clause 15 below. However, if **You** had not opted for a **Market Valuation System** then the **Market Value** of **Your Car** in the event of dispute would be determined by the Head Office of the **Car** franchise-holder and this value should be equal to the cost of acquiring a replacement car of the same make, model and age of **Your Car** at the time of loss. If this valuation is not available or appears in **Our** opinion to be unduly low or high then valuation will be determined by an **Adjuster** registered under the Islamic Financial Services Act 2013, agreed by both **You** and **Us**.*

**15. Sistem Penilaian Pasaran / *Market Valuation System***

Ini merujuk kepada **Sistem Penilaian Pasaran** kenderaan bermotor yang diluluskan oleh Persatuan Takaful Am Malaysia (PIAM) untuk menentukan **Nilai Pasaran Kereta Anda** pada masa **Anda** menyertai/memperbaharui **Sijil** ini dan juga pada masa kerugian berlaku. **Anda** boleh memilih untuk menggunakan penilaian yang disyorkan oleh sistem ini sebagai **Amaun Dilindungi** untuk mengelak akibat perlindungan terkurang seperti yang dihuraikan di dalam Seksyen A2e. Sebagai alternatif, **Anda** boleh memilih untuk menentukan **Amaun Dilindungi** sendiri tetapi **Anda** akan tertakluk kepada Seksyen A2e jika **Anda** mengalami perlindungan terkurang.

*This refers to the motor vehicle **Market Valuation System** approved by Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) to determine the **Market Value** of **Your Car** at the time **You** participated/renewed this **Certificate** as well as at the time of the loss. **You** can opt to use the valuation recommended by this system as the **Sum Covered** to avoid the consequences of under-coverage as described in Section A2e. Alternatively, **You** may choose to determine the **Sum Covered Yourself** but **You** would be subject to Section A2e if **You** are under-covered.*

**16. Caruman Minimum / *Minimum Contribution***

Caruman minimum yang disebut di dalam **Jadual Sijil.**

*The minimal contribution described in the **Schedule**.*

**17. Pemandu Dinamakan / *Named Driver***

Ini merujuk kepada orang yang **Anda** namakan di dalam **Jadual Sijil** yang dibenarkan memandu **Kereta Anda**. **Ekses** wajib sebanyak RM400 yang dinyatakan dalam Seksyen A2(g) tidak akan dikenakan jika **Kereta Anda** dipandu oleh **Pemandu Dinamakan** dengan syarat mereka mempunyai lesen memandu yang sah bagi jenis yang relevan dan tidak hilang kelayakan dari segi undang-undang untuk memandu atau kerana sebab-sebab lain dan adalah berumur lebih daripada 21 tahun pada masa **Kejadian**.

*This refers to the persons named in the **Certificate** who are authorised by **You** to drive **Your Car**. The compulsory excess of RM400 stated in Section A2(g) will not apply if **Your Car** is driven by a **Named Driver** provided they hold a valid full driving licence of the relevant type and are not disqualified to drive by law or for any other reason and are above the age of 21 years at the time of the **Incident.***

**18. Ombudsman Perkhidmatan Kewangan / *Ombudsman for Financial Services (OFS)***

Ini adalah sebuah badan bebas yang menawarkan saluran percuma dan cekap untuk membantu menyelesaikan pertikaian tertentu antara **Anda** dengan **Kami** di bawah **Sijil** ini sebagai alternatif kepada penyelesaian di mahkamah.

*This is an independent body that provides a free and efficient avenue to help settle financial disputes between **You** and **Us** under this **Certificate** as an alternative to the courts.*

**19. Tempoh Perlindungan Takaful / *Period of Takaful***

Ini merujuk kepada tempoh yang disebut di dalam **Jadual Sijil** bila perlindungan yang diberikan oleh **Sijil** ini berkuat kuasa. Perlindungan hanya sah dari waktu sebenar **Sijil** Takaful disertai atau dari masa **Anda** dan **Kami** bersetuju bila perlindungan patut bermula.

*The period shown in the **Schedule** when the cover provided by this **Certificate** is operative. Cover is only valid from the inception date of the Takaful **Certificate** or from when **You** and **We** agree that cover should commence*

**20. Sijil / *Certificate***

**Sijil** termasuk juga **Jadual**, **Sijil Takaful** dan semua **Endorsmen** yang disenaraikan secara khusus di dalam **Jadual Sijil**.

*Certificate includes the **Schedule**, the **Certificate of Takaful** and all **Endorsements** specifically listed in the **Schedule**.*

**21. Bengkel / *Repairer***

Ini merujuk kepada bengkel membaiki kereta yang diluluskan oleh **Kami** atau Persatuan Takaful Am Malaysia (PIAM) di bawah Skim Bengkel Kereta Diluluskan PIAM (PARS) atau mana-mana bengkel kereta yang diberi kelulusan khas untuk digunakan, bagi sesuatu tuntutan.

*This refers to motor repair workshops approved by **Us** or by Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) under the PIAM Approved Repairers Scheme (PARS) or any repairer that **We** have given **You** a special permission to use, for a claim.*

**22. Jalan / *Road***

Seksyen 2 Akta Pengangkutan Jalan 1987 mentakrif “Jalan” sebagai “mana-mana jalan awam dan mana-mana jalan lain yang mana orang awam mempunyai akses dan termasuklah jambatan, terowong, hentian sebelah, kemudahan feri, jalan bertingkat, bulatan jalan, pulau lalu lintas, pembahagi jalan, segala lorong lalu lintas, lorong laju, lorong perlahan, bahu jalan, garis tengah, jejambat, jalan tembok, jalan tuju, landasan masuk dan keluar, plaza tol, kawasan khidmat dan struktur dan lekapan lain bagi memberikan kesan sepenuh kepada penggunaannya”.

*Section 2 of the Road Transport Act 1987 defines “Road” as “any public road and any other road to which the public has access and includes bridges, tunnels, lay-bys, ferry facilities, interchanges, round-abouts, traffic islands, road dividers, all traffic lanes, sidetables, median strips, overpasses, underpasses, approaches, entrance and exit ramps, toll plazas, service areas, and other structures and fixtures to fully effect its use”.*

**23. Jadual / *Schedule***

Dokumen ini menyatakan nama dan alamat **Anda**, **Tempoh Perlindungan Takaful**, seksyen-seksyen **Sijil** ini yang berkuat kuasa, caruman yang **Anda** telah buat, **Kereta** yang dilindungi, **Amaun Dilindungi** dan perincian sebarang perluasan atau **Endorsmen**.

*This document shows **Your** name and address, the **Period of Takaful**, the sections of this **Certificate** which apply, the contribution **You** have made, the **Car** which is covered, the **Sum Covered** and details of any extensions or **Endorsements***

**24. Amaun Dilindungi / *Sum Covered***

Ini adalah amaun maksimum yang akan dibayar kepada **Anda** bagi sesuatu tuntutan di bawah Seksyen A. Amaun ini dicatatkan di dalam **Jadual Sijil**. **Amaun Dilindungi** mestilah cukup untuk menampung kos mengganti **Kereta Anda** sekiranya berlaku **Kejadian** yang memusnahkannya sama sekali.
*This is the maximum that **You** will be made for a claim under Section A. This amount is shown in the **Schedule**. The **Sum Covered** must be sufficient to cover the cost to replace **Your Car** in the event of an **Incident** that completely destroys it.*

**25. Kami / *We, Our, Us***

Ini merujuk kepada Syarikat Takaful berdaftar yang mengeluarkan **Sijil** Takaful ini mewakili ke semua peserta **GRIA**.
*This refers to the licensed Takaful operator that is issuing **You** this **Certificate** representing the participants of the **GRIA**.*

**26. Anda / *You, Your, Yourself***

Ini merujuk kepada peserta atau pihak yang namanya dicatat di dalam **Jadual Sijil** sebagai 'Peserta'.
*This refers to the certificateholder or person described in the **Schedule** as "the Participant".*

**27. Tax / *Tax***

Cukai bermaksud sebarang cukai, levi atau kewajipan langsung atau tidak langsung, yang termasuk cukai penggunaan atau apa-apa cukai yang serupa, yang dikenakan ke atas barangan dan perkhidmatan oleh pihak kerajaan atau pihak berkuasa cukai.
*Tax shall mean any present or future, direct or indirect tax, levy or duty, including consumption tax or any tax similar nature, which is imposed on goods and services by government or tax authority.*

## Seksyen G: Endorsmen – diguna pakai hanya jika nombor Endorsmen di cetak di dalam Jadual
## *Section G : Endorsements - applicable only if the Endorsement number is printed in the Schedule*

Berikut adalah senarai terma dan syarat tambahan (dikenali sebagai **Endorsmen**) yang **Kami** boleh kenakan terhadap **Anda** atau perlindungan pilihan yang ada yang **Anda** mungkin mahu perluaskan ke **Sijil** asas **Anda** dengan membayar caruman tambahan. Sila ambil perhatian bahawa hanya **Endorsmen** yang nombornya tercatat secara khusus di dalam **Jadual Sijil** akan diguna pakai oleh **Sijil** ini.

*The following is a list of additional terms and conditions (known as **Endorsements**) that **We** may impose on **You** or optional covers available that **You** may want to add to **Your** basic **Certificate** by paying additional contribution. Note that only **Endorsements** with their numbers specifically printed in the **Schedule** shall apply to this **Certificate**.*

**Endorsmen 1 : Ekses Semua Tuntutan -** (sila lihat halaman 8 untuk penerangan)
***Excess All Claims** (please see page 8 for explanation)*

Amaun **Ekses** yang tercatat di **Jadual Sijil** adalah amaun yang **Anda** terpaksa tanggung sendiri bagi setiap satu tuntutan di bawah Seksyen A yang timbul akibat satu **Kejadian**. Ini bermakna bahawa **Kami** berhak memotong **Ekses** ini dari amaun yang jika tidak, **Kami** terpaksa tanggung sepenuhnya. Jika **Kami** tidak dapat memotong **Ekses** tersebut, **Kami** berhak menuntut supaya **Anda** membayar **Ekses** itu kepada **Kami** dahulu sebelum **Kami** membuat apa-apa bayaran.
*The **Excess** amount shown in the **Schedule** is the amount that **You** have to make for each and every claim under Section A arising out of one **Incident**. This means that **We** have the right to deduct the **Excess** from the amount that **We** would otherwise have to make. If **We** are not able to deduct the **Excess**, **We** have the right to demand that **You** make **Us** the **Excess** first, before **We** make any payment.*

**Kami** tidak akan memotong Ekses tersebut bagi kerugian atau kerosakan yang melibatkan tuntutan pihak ketiga.
***We** will not deduct this **Excess** for loss or damage in respect of third party claims.*

**Endorsemen 1(a) : Ekses Sukarela**
***Voluntary Excess***

Caruman **Anda** boleh dikurangkan, dengan memilih Ekses Sukarela sebagai tambahan kepada / ***Your** contribution can be reduced , by selecting a Voluntary Excess in addition to the :*

a) Ekses Semua Tuntutan (Endorsemen 1) dan/atau */ Excess All Claims (Endorsement1) and/or*
b) Ekses Wajib (Endorsemen 2(f)) yang boleh diterima pakai ke atas satu tuntutan */ Compulsory Excess (Endorsement 2(f)) that may be applicable on a claim*

**Sijil anda** menggambarkan Lebihan yang **Anda** bersetuju untuk menanggung sekiranya berlaku tuntutan.
Ekses Sukarela adalah di antara RM500 hingga RM5,000 dan akan terpakai bagi SEMUA TUNTUTAN kecuali tuntutan pihak ketiga.
***Your Certificate will** reflects the Voluntary Excess that **You** have agreed to bear.*
*The Voluntary Excess ranges from RM500 to RM5,000 and will be applicable to ALL CLAIMS except third party claims.*
**Kami** tidak akan memotong Ekses Sukarela ini untuk kehilangan atau kerosakan yang berkenaan dengan tuntutan pihak ketiga.
***We** will not deduct this **Voluntary Excess** for loss of damage in respect of third party claims.*

**Endorsmen 2:** **Ekses Tuntutan Kerosakan -** (sila lihat halaman 8)
***Excess Damage Claim*** *(please see page 8)*

Amaun **Ekses** yang tercatat di **Jadual Sijil** adalah amaun yang **Anda** terpaksa tanggung sendiri bagi setiap satu tuntutan di bawah Seksyen A yang timbul akibat satu **Kejadian**. Ini bermakna bahawa **Kami** berhak memotong **Ekses** ini dari amaun yang jika tidak, **Kami** terpaksa tanggung sepenuhnya. Jika **Kami** tidak dapat memotong **Ekses** tersebut, **Kami** berhak menuntut supaya **Anda** membayar **Ekses** itu kepada **Kami** dahulu sebelum **Kami** membuat apa-apa bayaran.
*The **Excess** amount shown in the **Schedule** is the amount that **You** have to make for each and every claim under Section A arising out of one **Incident**. This means that **We** have the right to deduct the **Excess** from the amount that **We** would otherwise have to make. If **We** cannot deduct the **Excess**, **We** have the right to demand that **You** make **Us** the **Excess** first, before **We** make any payment.*
**Kami** tidak akan memotong **Ekses** tersebut jika kerugian atau kerosakan disebabkan kebakaran, letupan, kilat, pecah-masuk, pecah rumah, kecurian, tuntutan kerosakan harta pihak ketiga dan kecederaan tubuh badan pihak ketiga.
***We** will not deduct this **Excess** if the loss or damage is caused by fire, explosion, lightning, burglary, housebreaking, theft, third party property damage or bodily injury claims.*

**Endorsmen 3(p) : Takaful Pihak Ketiga Sahaja** (sila lihat halaman 11 - 13: "Apa yang Dilindungi?")
***Third Party Only Takaful*** *(please see pages 11 – 13 "What is Covered?")*

Perlindungan yang **Anda** pilih untuk **Kereta Anda** adalah terhad kepada Takaful 'Pihak Ketiga' sahaja. Ini bermakna bahawa Anda tidak akan dibayar apa-apa kerugian atau kerosakan terhadap **Kereta Anda**. Atas sebab ini Seksyen A terbatal dan hanya perlindungan di bawah Seksyen B sahaja yang diberikan kepada **Anda**.
*The cover that **You** have chosen for **Your Car** is limited to 'Third Party' Takaful only. This means that any loss or damage to **Your Car** will not be made. For that reason Section A is deleted and only Section B coverage has been participated and is available to **You**.*

**Endorsmen 3(q) : Takaful Pihak Ketiga, Kebakaran dan Kecurian** (sila lihat halaman 11 – 13 - "Apa yang Dilindungi?")
***Third Party, Fire and Theft Takaful*** *(please see pages 11 - 12 - "What is Covered?")*

Perlindungan yang **Anda** telah pilih untuk **Kereta Anda** disebut sebagai Takaful 'Pihak Ketiga, Kebakaran dan Kecurian'. Ini bermakna perlindungan yang diberikan terhadap **Kereta Anda** di bawah Seksyen A adalah terhad kepada sebarang kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh kebakaran, letupan, kilat, pecah-masuk, pecah rumah atau kecurian sahaja. Atas sebab ini baki perlindungan yang masih di bawah Seksyen A1a adalah terbatal dan perlindungan Seksyen B diberikan kepada **Anda**.
*The cover that **You** have chosen for **Your Car** is called 'Third Party, Fire and Theft' Takaful. This means that the cover provided to **Your Car** under Section A is limited to any loss or damage caused by fire, explosion, lightning, burglary, housebreaking or theft only. For that reason all the remaining covers under Section A1a are deleted and Section B coverage has been participated and is available to **You**.*

**Endorsmen 14 : Pertukaran Hak Milik**
***Transfer of Interest***

Merujuk terhadap caruman tambahan yang **Anda** telah bayar kepada **Kami** bagi endorsmen ini, **Kami** bersetuju menukar hak milik dalam **Sijil** ini pada [nyatakan tarikh] kepada [nyatakan nama penerima tukar milik dan No. Kad Pengenalan./No. Pendaftaran Perniagaan] beralamat di [nyatakan alamat] yang menjalankan atau melibatkan diri dalam perniagaan atau profesion [____________________] yang cadangan dan akuannya bertarikh [nyatakan tarikh] hendaklah menjadi asas kontrak ini.
*In consideration of the additional contribution that **You** made **Us** for this endorsement, **We** agree to transfer the interest in this **Certificate** on [state date] to [state name of transferee and NRIC No./Business Registration No.] of [state address] carrying on or engaging in the business or profession of*
*___________ Whose proposal and declaration dated [state date] shall be the basis of this contract.*

Tertakluk juga kepada terma dan syarat **Sijil** ini.
*Subject otherwise to the terms and conditions of this **Certificate.***

**Endorsmen 15 : Pembiayaan**
***Hire Financing***

**Kami** mendapati bahawa **Kereta Anda** diperoleh melalui Perjanjian Pembiayaan dengan syarikat Pembiayaan yang dinamakan di dalam **Jadual Sijil** sebagai Pembiaya. **Anda** bersetuju tanpa syarat bahawa sebarang tuntutan yang **Kami** bayar secara tunai di bawah Seksyen A akan diberi kepada Pembiaya selagi mereka kekal menjadi Pembiaya **Kereta Anda** pada masa berlakunya **Kejadian**. Akuan penerimaan daripada Pembiaya akan membebaskan **Kami** daripada sebarang tuntutan atau liabiliti selanjutnya berkaitan dengan kerugian atau kerosakan tersebut. Bagi semua tujuan lain **Anda** dianggap sebagai pihak prinsipal di bawah **Sijil** ini dan bukannya ejen atau pemegang amanah bagi Pembiaya dan **Anda** tidak menyerahkan hak manfaat dan tuntutan **Anda** di bawah **Sijil** ini kepada Pembiaya. **Anda** tidak boleh menyerahkan hak, manfaat dan tuntutan **Anda** di bawah **Sijil** ini kepada sesiapa tanpa persetujuan bertulis daripada **Kami**.
***We** note that **Your Car** is under a Hire Financing agreement with the Financing company named in the **Schedule** as the Financiers. **You** unconditionally agree that the payment of any claim under Section A by **Us** by way of a cash payment shall be made to the Financiers as long as they remain as the Financier of **Your Car** at the time of the **Incident**. The receipt from the Financiers will fully discharge **Us** from any further claims or liability in respect of such loss or damage. For all other purposes **You** are the principal party under this **Certificate** and not an agent or trustee for the Financiers and that **You** have not assigned **Your** rights, benefits and claims under this **Certificate** to the Financiers. **You** cannot assign **Your** rights, benefits and claims under this **Certificate** to anybody without **Our** written consent*

**Endorsmen 15 (a) : Pembiayaan Majikan**
***Employer's Financing***

**Kami** mendapati bahawa **Kereta Anda** diperolehi di bawah perjanjian Pembiayaan Majikan. **Anda** bersetuju tanpa syarat bahawa sebarang tuntutan yang **Kami** bayar secara tunai di bawah Seksyen A akan dibayar di atas nama Majikan yang namanya tercatat di dalam **Jadual Sijil** selagi pembiayaan itu belum dilunaskan pada masa **Kejadian** yang menyebabkan tuntutan. Akuan penerimaan daripada Majikan akan membebaskan **Kami** daripada tuntutan atau liabiliti selanjutnya bagi **Kejadian** tersebut.
***We** note that **Your Car** is under an Employer's Financing agreement. **You** unconditionally agree that the payment of any claim under Section A by **Us** by way of a cash payment shall be made to the Employer named in the **Schedule** as long as the financing remains outstanding at the time of the **Incident** giving rise to a claim. The receipt from the Employer will fully discharge **Us** from any further claims or liability in respect of the **Incident**.*

Selain dari yang di atas, hak dan liabiliti **Kami**/**Anda** di bawah **Sijil** ini tidak akan terjejas.
*Other than the above, **Our / Your** rights and liabilities under this **Certificate** are not affected.*

**Endorsmen 18 : Risiko Berkadar Flit (Fleet Rated Risks) – Pembatalan 'Diskaun Tanta Tuntutan'**
***Fleet Rated Risks – Cancellation of 'No Claim Discount'***

Oleh kerana manfaat Diskaun Flit diterima, fasal NCD bagi **Sijil** ini dibatalkan.
*By virtue of the benefit of the Fleet Discount received, the No Claim Discount clause of this **Certificate** is cancelled.*
Tertakluk juga kepada terma dan syarat **Sijil** ini.
*Subject otherwise to the terms and conditions of this **Certificate**.*

**Endorsmen 22 : Karavan/Bagasi/Treler Bot**
***Caravan/Luggage/Boat Trailers***

Merujuk caruman tambahan yang **Anda** telah bayar bagi melindungi Karavan, Bagasi atau Treler Bot yang butirannya dinyatakan dalam **Jadual Sijil,** akan dilindungi di bawah tajuk '**Endorsmen 22**' semasa digunakan bersama-sama dengan **Kereta Anda.**
*Pursuant to the additional contribution that **You** made , any Caravan or Luggage or Boat Trailer that is specified in the **Schedule** will be covered under the heading '**Endorsement 22**' while it is being used together with **Your Car.***

Endorsmen ini tidak melindungi:
*This endorsement does not cover:*

a. liabiliti di sisi undang-undang bagi kematian atau kecederaan tubuh badan terhadap mana-mana penumpang di dalam Karavan/Bagasi/Treler Bot tersebut kecuali orang itu sedang dibawa atas sebab atau bagi tujuan melaksanakan kontrak pekerjaannya / *legal liability for death or bodily injury to any passenger in the specified Caravan/Luggage/Boat Trailer unless such person is being carried by reason of or in pursuance of a contract of employment;*
b. kerugian atau kerosakan terhadap kandungan atau apa jua yang dibawa di dalam Karavan/Bagasi/Treler Bot tersebut; dan / *loss or damage to the contents of or anything being carried in the specified Caravan/Luggage/Boat Trailer; and*
c. kerugian atau kerosakan terhadap Bot yang dibawa oleh Treler tersebut / l*oss or damage to the Boat being carried by the specified Trailer.*

Amaun maksimum yang ditanggung bagi kerugian atau kerosakan terhadap Karavan/Bagasi/Treler Bot tersebut di bawah Seksyen A untuk endorsmen ini ialah amaun yang dinyatakan dalam **Sijil** di bawah tajuk '**Endorsmen 22**'.
*The maximum amount that will be made for loss or damage to the specified Caravan/Luggage/Boat Trailer under Section A for this endorsement is the amount mentioned in the **Schedule** under the heading '**Endorsement 22**'.*

**Endorsmen 24(c) : Ujian Keutuhan, Pertandingan dsb.**
***Reliability Trials, Competitions etc.***

Merujuk caruman tambahan yang **Anda** telah bayar, Takaful yang diberikan di bawah **Sijil** ini melindungi **Kereta Anda** semasa ia digunakan untuk *[nyatakan sama ada ujian keutuhan, pertandingan]* yang akan diadakan di *[nyatakan tempat/lokasi]* pada *[nyatakan tarikh]* yang dianjurkan oleh *[nyatakan nama penganjur]* termasuk latihan rasmi yang rasmi yang dikendalikan bagi acara tersebut.

Pursuant to the additional contribution that **You** made , the Takaful provided under this **Certificate** shall cover **Your Car** while it is being used for *[state either reliability trials, competition]* to be held at *[state place/location]* on *[state date]* organized by *[state name of organizer]* including officially conducted practice for the event.

**Endorsmen 24(d) : Ujian Keutuhan, Pertandingan dsb. (Perlindungan Pihak Ketiga Sahaja)**
***Reliability Trials, Competitions etc. (Third Party Cover Only)***

Merujuk caruman tambahan yang **Anda** telah bayar kepada **Kami** bagi endorsmen ini, Takaful yang diberikan di bawah Seksyen B **Sijil** ini akan melindungi liabiliti di sisi undang-undang semasa **Kereta Anda** digunakan untuk *[nyatakan sama ada ujian keutuhan, pertandingan]* yang akan diadakan di *[nyatakan tempat/lokasi]* pada *[nyatakan tarikh]* yang dianjurkan oleh *[nyatakan nama penganjur]* termasuk latihan rasmi yang dikendalikan bagi acara tersebut.

*Pursuant to the additional contribution that **You** made , the Takaful provided under Section B of this **Certificate** shall cover legal liability while **Your Car** is being used for [state either reliability trials, competition] to be held at [state place/location] on [state date] organized by [state name of organizer] including officially conducted practice for the event.*

**Endorsmen 25 : Mogok, Rusuhan dan Kekecohan Awam**
***Strike, Riot and Civil Commotion***

Merujuk caruman tambahan yang **Anda** telah bayar kepada **Kami** bagi endorsmen ini, Takaful yang diberikan di bawah Seksyen A **Sijil** ini akan melindungi kerugian atau kerosakan terhadap **Kereta Anda** disebabkan oleh:
*Pursuant to the additional contribution that **You** made, the Takaful provided under Section A of this **Certificate** shall cover loss or damage to **Your Car** caused by:*

a. perbuatan sengaja mana-mana pemogok atau pekerja yang disekat-masuk yang menyokong suatu mogok atau menentang sekat-masuk / *the wilful act of any striker or locked out worker to further a strike or to resist a lock out;*
b. perbuatan mana-mana orang yang mengambil bahagian bersama-sama dengan orang lain dalam sebarang gangguan ketenteraman awam (sama ada yang berkaitan dengan mogok atau sekat-masuk atau tidak); dan
*the act of any person taking part together with others in disturbance of the public peace (whether in connection with a strike or lock out or not); and*
c. tindakan pihak berkuasa yang sah di sisi undang-undang dalam membanteras atau percubaan untuk membanteras mana-mana gangguan sedemikian atau untuk mengurangkan akibat gangguan tersebut / *the action of any lawfully constituted authority in preventing, suppressing or attempting to prevent or suppress any of these acts or in minimising the consequences of them.*

Endorsmen ini tidak melindungi / *This endorsement does not cover:*

a. perang saudara, peperangan, pencerobohan atau perbuatan musuh asing, permusuhan atau operasi seakan peperangan (sama ada peperangan diisytiharkan ataupun tidak) / *civil war, war, invasion or acts of foreign enemy hostilities or warlike operations (whether war is declared or not);*
b. revolusi, pemberontakan atau kekecohan awam yang mencapai tahap kebangkitan awam; dan / *revolution, rebellion or civil disturbance amounting to a popular uprising; and*
*c.* **Tindakan Keganasan** / ***Act of Terrorism***.

Endorsmen ini juga tidak melindungi sebarang kerugian, kerosakan atau liabiliti secara langsung atau tidak langsung, secara dekat atau jauh yang disebabkan oleh atau yang diakibatkan oleh atau yang boleh dikesan kepada atau yang timbul dari atau yang berkaitan dengan pengecualian yang dinyatakan di atas.
*It also does not cover any loss, damage or liability directly or indirectly, proximately or remotely caused by or contributed to or traceable to or arising out of or in connection with the above stated exceptions.*

**Endorsmen 57 : Perlindungan Tambahan Bencana Khas**
***Inclusion of Special Perils***

Merujuk caruman tambahan yang **Anda** telah bayar kepada **Kami** bagi endorsmen ini, Takaful yang diberikan di bawah Seksyen A **Sijil** ini akan melindungi kerugian atau kerosakan terhadap **Kereta Anda** akibat banjir, taufan, hurikan, ribut, ribut kencang, letusan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh, gelinciran tanah, penurunan atau penenggelaman tanah ataupun malapetaka alam yang lain.
*Pursuant to the additional contribution that **You** made , the Takaful provided under Section A of this **Certificate** will cover loss or damage to **Your Car** caused by flood, typhoon, hurricane, storm, tempest, volcanic eruption, earthquake, landslide, landslip, subsidence or sinking of the soil/earth or other convulsions of nature.*

**Endorsmen 72 : Liabiliti Penumpang Di Sisi Undang-undang Kerana Perbuatan Cuai**
***Legal Liability of Passengers for Negligent Acts***

Merujuk caruman tambahan yang **Anda** telah bayar kepada **Kami** bagi endorsmen ini, Takaful yang diberikan di bawah Seksyen B **Sijil** ini termasuk liabiliti di sisi undang-undang yang ditanggung oleh mana-mana penumpang di dalam **Kereta Anda** dengan syarat penumpang itu / *Pursuant to the additional contribution that **You** made , the Takaful provided under Section B of this **Certificate** will include legal liability incurred by any passenger in **Your Car** on condition that the passenger:*

a. tidak memandu **Kereta Anda** / *is not driving **Your Car**;*
b. tidak layak mendapat ganti rugi di bawah mana-mana **Sijil** Takaful yang lain; dan / *is not entitled to indemnity under any other certificate of Takaful; and*
c. mematuhi semua terma dan syarat **Sijil** ini seolah-olah dia adalah **Anda** / *complies with all the terms and conditions of this **Certificate** as though he was **You**.*

Endorsmen ini tidak melindungi / *This endorsement does not cover:*

a. kematian atau kecederaan tubuh badan terhadap sesiapa yang bekerja dengan **Anda** atau penumpang, dan orang itu meninggal atau cedera semasa melaksanakan kontrak pekerjaannya / *death or bodily injury to any person who is employed by **You** or the passenger, and who dies or is injured in the course of such employment;*
b. kerosakan harta kepunyaan atau yang diamanahkan atau berada dalam jagaan atau kawalan **Anda** atau penumpang atau ketika dibawa di dalam **Kereta Anda**; dan/atau / *damage to any property that belongs to or is held in trust or in the custody or control of **You** or the passenger or which is being carried in **Your Car**; and/or*
c. kematian atau kecederaan tubuh badan kepada pemandu atau mana-mana penumpang lain di dalam **Kereta Anda** dalam masa yang sama / *death or bodily injury to the driver or any other passenger travelling in **Your Car** at the same time*

**Endorsmen 87 : Klausa Nilai Dipersetujui**
***Agreed Value Clause***

Nilai Dipersetujui yang dinyatakan di dalam **Jadual Sijil** adalah amaun maksimum yang akan dibayar untuk **Kereta Anda**, setelah ditolak sebarang **Ekses** (jika berkaitan) sekiranya **Kereta Anda** dicuri atau musnah sama sekali.
*The Agreed Value shown in the **Schedule** is the maximum amount that will be made for **Your Car**, less any **Excess** (if applicable) if **Your Car** is stolen or totally destroyed.*

**Kami** dan **Anda** telah bersetuju semasa **Sijil** ini mula berkuat kuasa supaya nilai ini digunakan sebagai asas penyelesaian dengan syarat **Kami** bertanggungjawab membayar kerugian atau kemusnahan itu di bawah terma dan syarat **Sijil** ini. **Nilai Pasaran Kereta Anda** pada masa kerugian berlaku tidak akan diambil kira.
***We** and **You** have agreed at the commencement of this **Certificate** to use this value as the basis of settlement provided **We** are liable to make for such loss or destruction under the terms and conditions of this **Certificate**. The **Market Value** of **Your Car** at the time of the loss will not be taken into account.*

**Endorsmen 89(a) : Perlindungan untuk Cermin Depan/Belakang, Tingkap dan Bumbung Matahari - Peningkatan (Bukan Tariff)**
***Cover for Windscreens, Windows and Sunroof – Enhanced (Non Tariff)***

Merujuk caruman tambahan yang **Anda** telah bayar kepada **Kami** bagi endorsmen ini, Takaful yang diberikan di bawah Seksyen A **Sijil** ini akan melindungi kos menggantikan atau membaiki mana-mana kaca pada cermin depan, tingkap atau bumbung matahari **Kereta Anda** yang pecah secara tidak sengaja termasuk kos laminasi/lapisan penintaan (jika ada) dengan syarat tiada tuntutan lain dibuat bagi **Kejadian** ini. Amaun maksimum yang akan dibayar di bawah endorsmen ini adalah amaun yang disebut di dalam **Jadual Sijil** di bawah tajuk '**Endorsmen 89(a)**'.
*Pursuant to the additional contribution that **You** made , the Takaful provided under Section A of this **Certificate** will cover the cost to replace or repair any glass in the windscreen, window or sunroof of **Your Car** that is accidentally damaged including the cost of*

*lamination/tinting film (if any) provided no other claim is submitted for this **Incident**. The maximum amount that will be made under this endorsement is the amount mentioned in the **Schedule** under the heading '**Endorsement 89(a)**'.*

Jika tuntutan **Anda** adalah khusus untuk cermin kaca yang pecah sahaja dan bukan kerosakan yang lain, **Kami** tidak akan memotong sebarang **Ekses**, dan **Anda** juga tidak akan kehilangan kelayakan NCD **Anda**.
*If **Your** claim is for the damaged glass only and no other damage, **We** will not deduct any **Excess**, and **You** will not lose **Your** NCD entitlement.*

Jika cermin kaca yang rosak sama ada diganti atau dibaiki, perlindungan ini akan diteruskan tetapi had amaun yang perlu dibayar akan dikurangkan dengan jumlah kos ganti atau pembaikan. Untuk mengembalikan perlindungan ke had asal **Anda** harus membayar caruman pro-rata tambahan kepada **Kami** untuk perlindungan yang telah ditambah.
*If the damaged glass is either replaced or repaired, this cover will continue but the limit of the amount payable will be reduced by the amount of the replacement or repair cost. To restore the cover to the original limit **You** must make the additional pro-rated contribution to **Us** for the increased cover.*

**Endorsmen 95 : Perjanjian Pajakan**
***Leasing Agreement***

**Kami** mendapati bahawa **Kereta Anda** diperolehi di bawah Perjanjian Pajakan dengan syarikat Pajakan yang dinamakan dalam **Jadual Sijil** sebagai Pemberi Pajak. **Anda** bersetuju tanpa syarat bahawa bayaran tunai yang **Kami** bayar bagi sebarang tuntutan di bawah Seksyen A akan dibuat kepada Pemberi Pajak selagi perjanjian Pajakan itu masih sah pada masa berlakunya **Kejadian** itu. Akuan penerimaan dari Pemberi Pajak akan membebaskan **Kami** sepenuhnya daripada tuntutan liabiliti selanjutnya yang berkaitan dengan kerugian atau kerosakan tersebut. Bagi semua tujuan lain **Anda** adalah pihak prinsipal di bawah **Sijil** ini dan bukannya ejen atau pemegang amanah bagi Pemberi Pajak dan **Anda** tidak menyerahkan hak manfaat dan tuntutan **Anda** di bawah **Sijil** ini kepada Pemberi Pajak. **Anda** tidak boleh menyerahkan hak manfaat dan tuntutan **Anda** di bawah **Sijil** ini kepada sesiapa tanpa persetujuan bertulis daripada **Kami**.
***We** note that **Your Car** is under a Leasing Agreement with the Leasing company named in the **Schedule** as the Lessors. **You** unconditionally agree that the payment of any claim under Section A by **Us** by way of a cash payment shall be made to the Lessors as long as the Leasing Agreement remains valid at the time of the **Incident**. The receipt from the Lessors will fully discharge **Us** from any further claims or liability in respect of such loss or damage. For all other purposes, **You** are the principal party under this **Certificate** and not as an agent or trustee for the Lessors and **You** have not assigned **Your** rights, benefits and claims under this **Certificate** to the Lessors. **You** cannot assign **Your** rights, benefits and claims under this **Certificate** without **Our** written consent*

**Endorsmen 97 : Perlindungan Berasingan Bagi Aksesori yang dipasang pada Kereta Anda**
***Separate Cover for Accessories fixed to Your Car***

Merujuk caruman tambahan yang **Anda** telah bayar kepada **Kami** bagi endorsmen ini, Takaful yang diberikan di bawah Seksyen A **Sijil** ini akan melindungi **Aksesori** bukan piawaian yang butirannya dinyatakan di dalam **Jadual Sijil**. Amaun maksimum yang **Kami** akan bayar di bawah endorsmen ini ialah amaun yang dinyatakan di dalam **Jadual Sijil** di bawah tajuk '**Endorsmen 97**'.
*Pursuant to the additional contribution that **You** made, the Takaful provided under Section A of this **Certificate** shall cover the non-standard **Accessories** specified in the **Schedule.** The maximum amount that will be made under this endorsement is the amount mentioned in the said **Schedule** under the heading '**Endorsement 97**'.*
Jika tuntutan **Anda** adalah khusus untuk **Aksesori** sahaja dan bukan untuk kerosakan lain, **Kami** tidak akan memotong sebarang **Ekses**, dan **Anda** juga tidak akan hilang kelayakan NCD **Anda**.
*If **Your** claim is for the **Accessories** only and no other damages, **We** will not deduct any **Excess** and **You** will not lose **Your** NCD entitlement.*
Perlindungan ini akan ditamatkan pada tarikh tuntutan **Anda** dibayar di bawah endorsmen ini. Untuk mengembalikan semula perlindungan ini **Anda** dikehendaki membayar caruman tambahan kepada **Kami**.
*This cover is terminated on the date **Your** claim is settled under this endorsement. To restore this cover **You** must make the additional contribution to **Us** .*

**Endorsmen 97(a) : Peralatan Penukaran Gas dan Tangki**
***Gas Conversion Kit and Tank***

Merujuk caruman tambahan yang **Anda** telah bayar kepada **Kami** bagi endorsmen ini, Takaful yang diberikan di bawah Seksyen A **Sijil i**ni akan melindungi kerugian atau kerosakan terhadap Peralatan Penukaran Gas dan Tangki **Kereta Anda** sebagai item berasingan dengan syarat ia dipasang oleh pemasang yang bertauliah. Amaun maksimum yang **Kami** akan bayar di bawah endorsmen ini ialah amaun yang dinyatakan di dalam **Jadual Sijil** di bawah tajuk '**Endorsmen 97(a)**'.
*Pursuant to the additional contribution that **You** made , the Takaful provided under Section A of this **Certificate** shall cover loss or damage to the Gas Conversion Kit and Tank of **Your Car** as a separate item provided it is installed by a qualified installer. The maximum amount that will be made under this endorsement is the amount mentioned in the **Schedule** under the heading*

*'**Endorsement 97(a)**'.*

Jika tuntutan **Anda** adalah hanya untuk Peralatan Penukaran Gas dan Tangki sahaja dan bukan untuk kerosakan yang lain, tiada sebarang **Ekses** akan ditolak, dan **Anda** tidak akan hilang kelayakan Diskaun Tanpa Tuntutan **Anda**.
*If **Your** claim is for the Gas Conversion Kit and Tank only and no other damage, no **Excess** will be deduct and **You** will not lose **Your** No Claim Discount entitlement.*

Perlindungan akan ditamatkan pada tarikh tuntutan **Anda** dibayar di bawah endorsmen ini. Untuk memulihkan semula perlindungan ini **Anda** dikehendaki membayar caruman tambahan kepada **Kami**.
*This cover is terminated on the date **Your** claim is settled under this endorsement. To restore this cover **You** must make the additional contribution to **Us** .*

**Endorsmen 100 : Liabiliti dari segi Undang-undang terhadap Penumpang**
***Legal Liability to Passengers***

Merujuk caruman tambahan yang **Anda** telah bayar, **Kami** akan mengganti rugi liabiliti **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan** terhadap mana-mana penumpang yang dibawa di dalam atau semasa menaiki atau memasuki atau turun dari **Kereta Anda** kecuali bagi:
*Pursuant to the additional contribution that **You** made, **We** shall make towards **You** or **Your Authorised Driver's** liability to any person being carried in or upon or entering or getting into or onto or alighting from **Your Car** except for:*

a. kematian atau kecederaan tubuh badan mana-mana penumpang yang dibawa untuk sewaan atau mengutip tambang / *death or bodily injury to any passenger being carried for hire or reward;*
b. kematian atau kecederaan tubuh badan mana-mana orang di mana kematian atau kecederaan tersebut berlaku berpunca daripada dan semasa orang berkenaan melaksanakan tugasan dengan **Anda** atau dengan **Pemandu Dibenarkan** / *death or bodily injury to any person where such death or injury arises out of and in the course of the employment of such person by **You** or by **Your Authorised Driver***
c. kerosakan terhadap harta kepunyaan, atau di bawah jagaan atau di bawah kawalan atau diamanahkan kepada **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan** dan/atau mana-mana **Ahli Keluarga Anda** atau **Ahli Keluarga Pemandu Dibenarkan** / *damage to property belonging to or in the custody of or control of or held in trust by **You** or **Your Authorised Driver** and/or any member of **Your** or **Your Authorised Driver's Household**;*
d. liabiliti kepada mana-mana orang yang juga **Ahli Keluarga Anda** dan/atau **Ahli Keluarga Pemandu Dibenarkan** yang menjadi penumpang di dalam atau di atas **Kereta Anda** kecuali dia dikehendaki dibawa dengan sebab atau bagi tujuan melaksanakan kontrak pekerjaannya dengan **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan** dan/atau majikannya / *liability to any person who is a member of **Your** and/or **Your Authorised Driver's Household** who is a passenger in **Your Car** unless he/she is required to be carried in or on **Your Car** by reason of or in pursuance of his/her contract of employment with **You** or **Your Authorised Driver** and/or his/her employer.*
e. liabiliti yang disebabkan oleh penumpang yang menaiki atau turun dari **Kereta Anda** / *liability caused by a passenger travelling in or alighting from **Your Car**;*
f. apa-apa tuntutan yang dibawa terhadap **Anda** oleh mana-mana pemandu **Kereta Anda** sama ada dibenarkan atau tidak / *any claims brought against **You** by any driver of **Your Car**, whether authorised or not;*
g. apa-apa tuntutan yang dibawa ke mahkamah terhadap mana-mana orang di mana-mana negara di luar Malaysia, Republik Singapura atau Negara Brunei Darussalam; dan/atau / *any claims brought against any person in any country in courts outside Malaysia, the Republic of Singapore or Negara Brunei Darussalam; and/or*
h. semua kos dan perbelanjaan perundangan yang tidak tertanggung atau boleh dituntut balik di Malaysia, Republik Singapura dan Negara Brunei Darussalam / *all legal costs and expenses which are not incurred in or recoverable in Malaysia, the Republic of Singapore and Negara Brunei Darussalam.*

**Syarat Perlindungan / *Condition of Cover***
Jika semasa berlakunya **Kejadian** yang membawa kepada tuntutan di bawah endorsmen ini, **Kereta Anda** membawa penumpang lebih daripada bilangan had maksimum yang dibenarkan oleh undang-undang, liabiliti **Kami** akan dihadkan kepada bilangan penumpang yang dinyatakan pada kenderaan yang didaftarkan di Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)
